

# **IMPLIKASI PERDAMAIAIN KAPIT 1924 TERHADAP POLITIK ORANG IBAN DI SARAWAK SEHINGGA TAHUN 1963**

**FABIAN ANAK JEFFERY**

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2022**

## **IMPLIKASI PERDAMAIAAN KAPIT 1924 TERHADAP POLITIK ORANG IBAN DI SARAWAK SEHINGGA TAHUN 1963**

**FABIAN ANAK JEFFERY**

**LATIHAN ILMIAH DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN  
SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN (SEJARAH)  
DENGAN KEPUJIAN**

**JABATAN SEJARAH  
FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2022**



**JABATAN SEJARAH  
FAKULTI SAINS  
KEMANUSIAAN**

**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Saya, Fabian Anak Jeffery (D20181083930) daripada Fakulti Sains Kemanusiaan dengan ini mengaku bahawa Projek Tahun Akhir yang bertajuk Implikasi Perdamaian Kapit 1924 Terhadap Politik Orang Iban di Sarawak sehingga Tahun 1963 adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

.....  
Nama: Fabian Anak Jeffery

Matrik: D20181083930



## PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin mengungkapkan rasa syukur saya kepada Yang Esa kerana di atas limpah dan kurniaNya, maka dapatlah saya menyiapkan tesis ini dengan jayanya walaupun menempuh pelbagai dugaan dan rintangan khususnya semasa pandemik Covid-19.

Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Prof. Madya Dr Ahmad Zainuddin Bin Hussin, penyelia saya di atas kesabaran, sokongan, nasihat dan bimbingan yang diberikan yang banyak membantu kepada kejayaan dalam penghasilan tesis ini. Segala bantuan, semangat, idea dan kebijaksanaan beliau telah banyak mengajar saya untuk menjadi seorang penyelidik dan pendidik yang baik. Segala pengalaman bersama beliau tidak dapat dilupakan.

Terima kasih juga kepada Arkib Negara Malaysia, Arkib Negara Malaysia Cawangan Sarawak, Repositori Rekod Negeri, dan Perpustakaan Tunku Bainun, UPSI atas bantuan dalam membekalkan bahan untuk kajian ini. Kajian ini tentu tidak akan berjaya sekiranya tidak mendapat bimbingan dan bantuan daripada agensi ini.

Ribuan terima kasih kepada kedua-dua ibu bapa yang saya hormati, Jeffery Anak Engkulau dan Linda Didi Anak Bain yang sentiasa memberi kasih sayang, wang ringgit, dorongan, doa, peringatan, pedoman hidup semasa saya menulis tesis ini. Tidak ketinggalan, saya ingin mengucapkan penghargaan kepada adik saya, Fionuala Layam Anak Jeffery atas dorangan, kesabaran dan doa kepada saya. Tidak dilupakan, ucapan penghargaan kepada Potia Latai Kho yang sudi menemani saya ke Arkib Negara Malaysia dan kesudian beliau untuk menyusun tesis ini. Sesungguhnya segala pengorbanan yang telah disumbang amat saya sanjung.

Akhir kata, tesis ini didedikasikan khas kepada sahabat saya, Zhao Pu. Semoga kajian dan tesis ini mampu membantu ke arah pembangunan politik masyarakat Iban yang lebih cemerlang pada masa akan datang.





## Implikasi Perdamaian Kapit 1924 Terhadap Politik Orang Iban di Sarawak Sehingga Tahun 1963

### ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menilai implikasi perdamaian Kapit 1924 terhadap politik orang Iban sehingga tahun 1963. Fokus kajian ini ialah untuk melihat penglibatan orang Iban dalam politik selepas perdamaian Kapit dalam usaha Iban memperjuangkan survival politik orang Iban. Kajian ini menggunakan metodologi sejarah dengan menggunakan pendekatan kualitatif mengandungi empat peringkat iaitu heuristik, kritik, pentafsiran dan penulisan sejarah. Sumber primer diperoleh daripada Arkib Negara Malaysia dan Pustaka Negeri Sarawak. Sumber sekunder pula terdiri daripada jurnal, buku, tesis yang diperoleh daripada atas talian dan perpustakaan di Malaysia. Sumber tersebut telah dinilai dan ditentukan ketulenan sumber dan kesahan maklumat. Fakta yang diperoleh ditafsir dan diolah dalam bentuk nafatif serta menekankan aspek sebab dan akibat. Hasil kajian ini mendapati perdamaian Kapit ini diadakan untuk membina hubungan baik antara orang Iban dengan kaum lain. Kesimpulan daripada kajian ini ialah hubungan baik memberikan peluang kepada orang Iban untuk terlibat dalam politik melalui perlantikan Temenggong Koh sebagai Dayak Paramount Chief. Implikasi kajian ini menunjukkan kerjasama merentasi kaum penting untuk survival politik masing-masing. Oleh itu, orang Iban harus bersatu padu dalam politik supaya survival politik orang Iban kekal.



## SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>ABSTRAK</b>	iv
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	vi

## BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang	4
1.3	Penyataan Masalah	7
1.4	Objektif Kajian	10
1.5	Hipotesis Kajian	10
1.6	Kepentingan Kajian	10
1.7	Skop Kajian	12
1.8	Definisi Operasional	13
1.9	Tinjauan Literatur	14
1.10	Metodologi Kajian	51
1.11	Pembahagian Bab	63
1.11	Kesimpulan	64

**BAB 2 Latar Belakang**

2.1	Pendahuluan	66
2.2	Sistem politik orang Iban sebelum kedatangan Brooke	67
2.3	Penglibatan orang Iban dalam Council Negeri 1867-1924	91
2.4	Penutup	103



3.1	Pendahuluan	105
3.2	Faktor yang membawa kepada perdamaian Kapit 1924	106
3.3	Penutup	130

**BAB 4****KESAN PERDAMAIAAN KAPIT TERHADAP POLITIK ORANG IBAN DI SARAWAK DARI TAHUN 1924 SEHINGGA TAHUN 1963.**

4.1	Pendahuluan	132
4.2	Politik orang Iban di Sarawak Dari Tahun 1924	134





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

vi

## Sehingga 1963

4.3	Penutup	158
-----	---------	-----

## BAB 5 KESIMPULAN

5.1	Penutup	160
-----	---------	-----

## BIBLIOGRAFI

## LAMPIRAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## BAB 1

### PENGENALAN



#### 1.1 Pendahuluan

Peristiwa perdamaian di Kapit pada 16 November 1924 merupakan salah satu peristiwa yang besar dalam lipatan sejarah tanah air Sarawak terutamanya melibatkan perkembangan politik Iban selepas tahun 1924 sehingga tahun 1963. Peristiwa ini juga pada masa yang sama telah menamatkan permusuhan orang Iban dengan kaum lain di Sarawak khususnya kaum Kenyah, Kayan dan Kajang yang telah bermusuhan sejak sekian lama hasil daripada adat *ngayau* orang Iban. Brooke menggunakan upacara



perdamaian ini untuk mengukuhkan kedudukan kerajaan Brooke di Sarawak terutamanya Brooke dilihat berusaha mendapatkan sokongan daripada orang Iban dalam pemerintahannya. Hal ini kerana, Brooke telah berdepan dengan pemberontakan yang berpanjangan daripada orang Iban apabila Brooke dilihat cuba untuk campur tangan dalam adat istiadat orang Iban terutamanya percubaannya untuk menghapuskan adat *ngayau* dalam cara hidup orang Iban.

Penentangan orang Iban terhadap campur tangan Brooke dalam adat *ngayau* di Sarawak dapat dilihat daripada kebangkitan Linggir (Mali Lebu) sehingga keadaan kebangkitan Asun (Bah Tunggal). Keadaan ini menyebabkan orang Iban tidak begitu mendapat tempat dalam pemerintahan Brooke di Sarawak. Hal ini jelas apabila Brooke hanya melantik sebahagian kecil orang Iban mengisi jawatan yang kecil dalam pemerintahan Brooke terutamanya kumpulan orang Iban ini telah memberikan sokongan kepada kerajaan Brooke. Perkara ini dapat dilihat apabila ramai orang Iban dari Saribas telah dilantik oleh Brooke setelah orang Iban ini menyokong tindakan Brooke menentang Libau (Rentap) di Saribas. Lantaran itu, Brooke telah menggunakan upacara perdamaian di Kapit ini untuk mendapat kepercayaan dan keyakinan daripada orang Iban dalam mengukuhkan kerajaan Brooke di Sarawak.

Peristiwa ini memperlihatkan Rajah Charles Vyner Brooke telah menganugerahi Penghulu Koh dengan gelaran temenggung (Dayak Paramount Chief) selepas kejayaan Penghulu Koh mencapai perdamaian antara orang Iban dengan orang Kenyah, Kayan, dan Kajang melalui upacara perdamaian Kapit 1924. Gelaran ini merupakan gelaran



yang begitu signifikan sekali dalam sejarah masyarakat Iban terutamanya gelaran temenggung ini hanya dijawat oleh seorang individu sahaja pada satu-satu masa selain jawatan ini merupakan jawatan yang mewakili seluruh mayarakat Dayak di Sarawak. Titik tolak perkembangan politik orang Iban yang kurang radikal bermula dengan pelantikan orang Iban sebagai temenggung yang mewakili seluruh Iban di Sarawak. Pada masa yang sama, peristiwa ini dilihat sebagai permulaan kepada hubungan antara orang Iban sendiri apabila pelantikan Penghulu Koh sebagai temenggung telah menyatukan seluruh orang Iban di Sarawak yang saling bermusuhan selama ini. Permusuhan sesama orang Iban sendiri ini merupakan implikasi daripada dasar Brooke yang menggunakan orang Iban untuk menentang orang Iban. Hal ini kerana, Brooke percaya bahawa hanya orang Iban sendiri dapat mengalahkan orang Iban.



Pendirian pemerintahan Brooke terhadap orang Iban berubah apabila Brooke telah melantik Temenggong Koh ke dalam the *Council Negri*, iaitu badan penasihat kepada kerajaan Brooke. Jawatan ini kemudiannya disandang oleh Penghulu Jugah Anak Barieng sehingga pembentukan Malaysia. Peranan pentingnya jawatan temenggung yang mewakili suara orang Iban jelas terpancar apabila temenggung dilihat sebagai suara pemutus dalam hal ehwal di Sarawak khususnya dalam isu penyerahan Sarawak kepada British dan keputusan Sarawak untuk membentuk Malaysia. Perubahan mulai berlaku dalam jawatan ini apabila Sarawak telah menyertai penubuhan Malaysia pada tahun 1963. Pindaan terhadap jawatan temenggung ini mulai berubah pada apabila jawatan temenggung ini telah distruktur semula yang mana setiap temenggung yang dilantik akan mentadbir satu bahagian di Sarawak. Perubahan ini justerunnya memberikan kesan kepada



struktur perkembangan politik orang Iban khususnya melibatkan perubahan dalam jawatan temenggung itu sendiri.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Kajian sedia ada pada masa kini lebih banyak mengetengahkan perdamaian di Kapit sebagai kemuncak kepada krisis yang berlaku antara orang Iban dengan orang Kayan, Kenyah, Kajang dan Punan. Krisis antara orang Iban, Kayan, Kenyah, Kajang, dan Punan timbul akibat adat *ngayau* yang dilakukan oleh orang Iban.<sup>1</sup> Hal ini justeru mengundang konflik yang berpanjangan antara orang Iban dan etnik lain di Sarawak.

Pada masa yang sama, kebanyakkan kajian hanya menceritakan peristiwa ini secara kronologi dan sepintas lalu. Begitu juga, banyak kajian yang sedia ada hanya melihat aspek-aspek tertentu seperti kepentingan ekonomi yang membawa kepada upacara perdamaian di Kapit antara orang Iban dengan kaum yang lain.<sup>2</sup> Brooke telah menggunakan upacara perdamaian di Kapit pada tahun 1924 sebagai satu bentuk penyelesaian kepada kemelut perhubungan orang Iban dengan kaum-kaum lain selain pada masa yang sama upacara perdamaian ini dilihat sebagai usaha Brooke untuk memelihara kepentingan ekonomi kerajaan Brooke.

<sup>1</sup> Dave Lumenta, “The Political Economy of Ending Headhunting in Central Borneo: Inter-colonial and Kenyah perspectives on the 1924 Kapit Peacemaking Agreement and its aftermath,” *Modern Asian Studies* 51, no. 4. (2017): 1070 – 1098, <https://doi.org/10.1017/S0026749X16000056>.

<sup>2</sup> Ooi Keat Gin, “An Economic History Of Sarawak During The Period Of Brooke Rule, 1841-1946” (tesis PhD, University of Hull, 1995), 72-73, diakses pada April 1, 2021, <https://core.ac.uk/download/pdf/2731572.pdf>.

Namun begitu, kajian yang sedia ada kurang membahaskan perkembangan politik orang Iban selepas daripada peristiwa perdamaian di Kapit pada 16 November 1924. Pelantikan Penghulu Koh oleh Rajah Brooke untuk memegang jawatan temenggung mewakili orang Iban merupakan aspek yang amat penting kepada perkembangan politik orang Iban. Kepentingan orang Iban yang memegang jawatan temenggung dalam kerajaan Brooke dapat dilihat dengan jelas apabila Temenggung Koh seterusnya dilantik sebagai salah seorang anggota dalam *Council Negri*.<sup>3</sup> Peranan temenggung yang mewakili masyarakat Iban di Sarawak juga tidak dapat dipisahkan daripada menentukan keputusan-keputusan tertentu melibatkan masa depan Sarawak. Pada masa yang sama, jawatan yang begitu besar dalam kerajaan Brooke diberikan kepada Penghulu Koh memberikan impak tertentu kepada orang Iban terutamanya orang Iban merupakan penduduk pribumi yang majoriti mendiami Sarawak.

Kajian ini penting supaya perkembangan politik orang Iban yang bertitik tolak dengan pelantikan Penghulu Koh oleh Brooke sebagai temenggung mewakili orang Iban di Sarawak dalam kerajaan Brooke dapat mengisi lompatan perkembangan politik orang Iban yang sedia ada. Hal ini kerana, kajian semasa menunjukkan kebanyakkan pengkaji kurang tidak memberikan fokus kepada perdamaian Kapit 1924 sebagai titik tolak penglibatan orang Iban secara serius dalam politik. Masyarakat Iban dilihat begitu terkesan dengan peristiwa ini apabila orang Iban tidak lagi melakukan pemberontakan terhadap pemerintahan Brooke selain orang Iban tidak lagi mengamalkan adat *ngayau*.<sup>4</sup>

<sup>3</sup> Persatuan Kesueraan Sarawak, *Our Sarawak* (Kuching: Persatuan Kesueraan Sarawak, 1983), 44-45.

<sup>4</sup> Steven Runciman, *The White Rajahs A History of Sarawak from 1841-1946* (New York: Cambridge

Sebaliknya, orang Iban mengutarakan pandangan dan pendirian mereka melalui temenggung. Temenggung yang dilantik seterusnya akan memberikan pandangan mereka atas isu-isu yang melibatkan masa depan dan hal ehwal Sarawak. Hal ini jelas dalam isu-isu yang besar seperti masa depan Sarawak, temenggung dilihat aktif memberikan pendapat mereka dalam isu tersebut.

Kajian ini rasional untuk dijalankan bagi memberikan gambaran yang baru dalam kerangka budaya Iban itu sendiri. Dalam hal ini, temenggung merupakan sebuah sistem yang tidak asing bagi orang Iban. Hal ini kerana, orang Iban memang mempunyai sistem politik tradisional yang tersendiri. Pada masa yang sama, sistem politik orang Iban menerima pengaruh daripada Kesultanan Brunei.<sup>5</sup> Struktur politik orang Iban mulai berubah apabila Brooke dilihat menginstitusikan sistem politik orang Iban.<sup>6</sup> Ramai daripada orang bujang berani dilantik mengisi jawatan tersebut terutamanya golongan yang mendapat tempat ini terdiri daripada penyokong Brooke dalam menentang orang Iban yang memberontak. Keadaan mulai berubah apabila Brooke telah memberikan Penghulu Koh jawatan temenggung selepas kejayaan Penghulu Koh dalam menamatkan permusuhan orang Iban dengan kaum-kaum yang lain. Pada masa yang sama, orang Iban dilihat tidak lagi agresif memberontak selepas Brooke mengkhususkan jawatan ini untuk diisi oleh orang Iban. Orang Iban dilihat mulai bergerak dalam kerangka politik yang

---

University Press, 1960), 237-238.

<sup>5</sup> Nalong Buda dan Johnny Chuat, *Iban Pegai Rajah Brooke* (Bintulu: Pegari Iban Production, 2009), 89-90.

<sup>6</sup> Jayum A. Jawan, “Political Change and Economic Development among the Iban of Sarawak, East Malaysia” (tesis PhD, University of Hull, 1991), 110-149, diakses pada April 1, 2021, <https://core.ac.uk/download/pdf/2731986.pdf>.

baru selepas upacara perdamaian ini. Hal ini justeru menjelaskan bahawa peristiwa perdamaian ini memberikan kesan yang tersendiri terhadap perkembangan politik orang Iban. Oleh itu, jawatan temenggung ini penting dalam membina kerangka politik yang matang dalam masyarakat Iban.

### 1.3 Permasalahan Kajian

Daripada tinjauan kajian lepas, jelas menunjukkan bahawa hingga setakat ini hampir kesemua penulisan yang berkaitan dengan politik orang Iban tidak memberikan tumpuan yang sewajarnya terhadap perkembangan politik orang Iban di Sarawak selepas upacara

perdamaian di Kapit. Pada masa yang sama, masyarakat Iban merupakan masyarakat majoriti yang mendiami bumi Sarawak. Peristiwa perdamaian di Kapit pada 16 November 1924 merupakan peristiwa bersejarah bagi orang Iban terutamanya Penghulu Koh telah diberikan Brooke gelaran temenggung bagi seluruh masyarakat Iban di Sarawak. Perkara ini amat menarik untuk dilihat terutamanya orang Iban sepanjang zaman telah menentang pemerintahan Brooke telah tunduk kepada pemerintahan Brooke selepas daripada peristiwa perlantikan ini. Malah, pelantikan Penghulu Koh sebagai temenggung bagi Dayak di Sarawak dapat dilihat sebagai pengiktirafan kerajaan Brooke terhadap kemampuan politik orang Iban. Pada masa yang sama, Brooke berjaya menyatukan orang Iban di Sarawak dengan peristiwa perdamaian ini. Sebaliknya, kebanyakkan penulisan hanya memberikan penekanan terhadap sejarah awal hubungan orang Iban dengan etnik lain, penceritaan serba ringkas mengenai peristiwa perdamaian



di Kapit, faktor ekonomi yang membawa kepada peristiwa perdamaian dan kesan peristiwa perdamaian ini kepada pemerintahan Brooke. Oleh iu, kajian ini bertujuan untuk melihat politik orang Iban sebelum peristiwa damai Kapit pada tahun 1924.

Kajian ini pada masa yang sama bertujuan untuk memberikan interpretasi yang betul daripada sudut orang Sarawak. Hal ini dapat dilihat kebanyakkan penulisan yang sedia ada banyak ditulis oleh orang bukan Iban. Keadaan ini menyebabkan kebanyakkan penulisan ini melihat aspek kebudayaan orang Iban daripada sudut pandang budaya mereka sendiri. Lantaran itu, para penyelidik ini tidak mampu memberikan gambaran yang tepat tentang peristiwa yang berlaku kerana para penyelidik ini tidak terdedah secara langsung kepada budaya orang Iban. Kekurangan ini secara tidak langsung menyebabkan kebanyakkan penyelidik terlepas pandang dalam aspek politik orang Iban khususnya melibatkan perlantikan Penghulu Koh sebagai temenggung (Dayak Paramount Chief) dalam kerajaan Brooke walhal perlantikan Penghulu Koh ini merupakan peristiwa yang besar kepada masyarakat Iban. Perlantikan ini merupakan peristiwa yang amat besar bagi masyarakat Iban terutamanya perlantikan ini diberikan sendiri oleh Rajah Charles Vyner Brooke kepada Penghulu Koh. Pada masa yang sama, peristiwa perlantikan Temenggung Koh ini membuktikan bahawa orang Iban kini mendapat kepercayaan daripada Brooke apabila Temenggung Koh telah dipilih ke dalam *Council Negri* bagi membantu Brooke dalam soal pemerintahan dan pentadbiran hal ehwal wilayah Sarawak. Tanggungjawab tugas temenggung ini semakin penting apabila temenggung yang mewakili masyarakat Iban di Sarawak menentukan masa depan wilayah ini. Oleh itu, peristiwa perdamaian Kapit 1924 ini amat penting kepada





masyarakat Iban terutamanya orang Iban dilihat bangkit menentang Brooke pada suatu ketika dahulu. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk melihat peranan temenggung (Dayak Paramount Chief) dalam pentadbiran Brooke dari tahun 1924 sehingga tahun 1963.

Pengaruh upacara perdamaian di Kapit pada 1924 terhadap kesinambungan politik orang Iban juga kurang mendapat pemerhatian daripada penyelidik sebelum ini. Oleh itu, kajian ini juga cuba memaparkan kesan upacara perdamaian di Kapit terhadap perjalanan politik orang Iban yang justeru membuka tirai baru kepada perkembangan politik orang Iban yang menentang Brooke selama ini. Orientasi perjuangan politik orang Iban mulai berubah apabila orang Iban tidak lagi bangun menentang kerajaan Brooke dengan mengangkat senjata setelah Penghulu Koh dilantik sebagai temenggung mewakili orang Iban seluruh Sarawak. Hal ini membuktikan bahawa peristiwa damai yang membawa kepada perlantikan Penghulu Koh sebagai temenggung (Dayak Paramount Chief) ini secara tidak langsung membentuk kepada perjalanan politik orang Iban itu sendiri. Namun begitu, kebanyakkan para penyelidik kurang membincangkan peristiwa ini walaupun peristiwa ini dilihat sebagai titik tolak penglibatan orang Iban dalam pemerintahan Brooke. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk melihat kesan peristiwa perdamaian di Kapit 1963 terhadap politik orang Iban di Sarawak dari tahun 1924 sehingga tahun 1963.



## 1.4 Objektif Kajian

- i. Membincangkan penglibatan politik orang dalam kerajaan Brooke sehingga termeterai Perdamaian Kapit, 1867-1924.
- ii. Membincangkan faktor yang membawa kepada Perdamaian Kapit 1924.
- iii. Menganalisis kesan Perdamaian Kapit terhadap politik orang Iban di Sarawak dari tahun 1924 sehingga tahun 1963.

## 1.5 Hipotesis Kajian



05- Pelantikan Temenggung Koh sebagai temenggung (Dayak Paramount Chief) penting dalam membina kerangka politik yang matang dalam masyarakat Iban.

## 1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting untuk dijalankan terutamanya penulisan berkaitan tentang perkembangan politik orang Iban selepas peristiwa perdamaian di Kapit pada 16 November 1924 kurang mendapat perhatian dalam kalangan para penyelidik. Sebaliknya, pengkaji akan memberikan fokus kepada politik orang Iban tanpa menjadikan perlantikan Penghulu Koh sebagai temenggung bagi orang Iban. Peristiwa perlantikan Penghulu Koh sebagai temenggung merupakan peristiwa yang bersejarah bagi

masyarakat Iban terutamanya pelantikan itu dilihat kejayaan Penghulu Koh menyatukan semua kaum di Sarawak selain pelantikan boleh dianggap sebagai titik tolak kepada perkembangan politik orang yang kurang radikal selepas daripada peristiwa perdamaian di Kapit. Pada masa yang sama, orang Iban tidak lagi mengangkat senjata dalam memperjuangkan nasib bangsa Iban yang ditindas di bawah pemerintahan Brooke. Oleh itu, kajian ini penting bagi mengisi kelompok kepada penulisan yang ada supaya para pembaca sedar bahawa peristiwa perdamaian di Kapit pada 1924 ini merupakan titik tolak kepada perkembangan politik orang Iban itu sendiri.

Selain itu, kajian ini dapat merungkai faktor yang membawa kepada perdamaian Kapit sehingga tahun 1963. Faktor perdamaian Kapit tidak kurang dibincangkan oleh penulis. Kajian yang sedia ada hanya serba ringkas tentang perdamaian Kapit tanpa melihat kepada hubungan orang Iban dengan kerajaan Brooke dan hubungan orang Iban dengan Kayan, Kenyah dan Kajang. Hal ini jelas apabila perdamaian Kapit 1924 diadakan bertujuan sebagai strategi Brooke untuk menamatkan pemberontakan orang Iban dengan perlantikan Temenggong Koh sebagai Temenggong (Dayak Paramount Chief) dan untuk memperbaiki hubungan orang Iban dengan Kayan, Kenyah dan Kajang. Perlantikan Penghulu Koh sebagai temenggung seterusnya menganggotai *Council Negri* merupakan tanggungjawab yang amat besar khususnya mewakili kuasa orang Iban dalam pemerintahan Brooke di Sarawak. Begitu juga, pelantikan Temenggong Jugah menggantikan Temenggong Koh dalam hal ehwal orang Iban memperlihatkan betapa pentingnya bidang tugas temenggung bagi masyarakat Iban. Hal ini menjadikan bidang kuasa temenggung ini amat besar terutamanya keputusan yang dibuat tidak akan



membelakangi kepentingan orang Iban di Sarawak.

Seterusnya, kajian penting penting dalam menambah khazanah ilmu mengenai orang Iban. Kajian ini dihasilkan dengan menjadikan perspektif orang Iban sendiri sebagai hala tuju kajian ini. Kajian yang sedia ada hanya daripada membincangkan sejarah orang Iban sepantas lalu sahaja selain kebanyakkan kajian yang dihasilkan mempamerkan pengkaji kurang memahami budaya orang Iban menyebabkan kajian yang sedia ada kurang mampu menterjemahkan kerangka sejarah masyarakat Iban itu sendiri. Kajian yang sedia ada hanya menafsir Perdamaian Kapit 1924 dari sudut pandang kepentingan ekonomi semata-mata. Oleh itu, kajian daripada perspektif orang Iban sendir penting supaya kajian yang dijalankan dapat memberikan pemahaman yang



05-4506832

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## 1.7 Skop Kajian

Kajian ini berfokus kepada perkembangan politik orang Iban di Sarawak pada tahun 1924 sehingga tahun 1963. Peristiwa perdamaian di Kapit pada 16 November 1924 yang berakhir dengan perdamaian orang Iban dengan etnik yang lain telah membuka tirai baru dalam sejarah politik orang Iban apabila Penghulu Koh telah menerima jawatan temenggung daripada Rajah Charles Vyner Brooke. Pada masa yang sama, perlantikan Penghulu Koh sebagai temenggung mewakili orang Iban di Sarawak secara tidak langsung telah menyatupadukan orang Iban yang saling bermusuhan selain menamatkan





penentangan orang Iban terhadap pemerintahan Brooke. Peringkat seterusnya menyaksikan orang Iban menggunakan medium perjuangan yang lain untuk memperjuangkan untung nasib orang Iban. Pelantikan Temenggung Jugah menggantikan Temenggung Koh membuka satu lagi sinar baru dalam politik orang Iban terutamanya Temenggung Jugah merupakan pemain utama yang menjadikan gagasan pembentukan Malaysia menjadi kenyataan pada tahun 1963.

## 1.8 Definisi Operasional

### Ngayau

*Ngayau* merupakan amalan memenggal kepala musuh yang berkait rapat dengan kepercayaan orang Iban. Amalan ini bertujuan untuk menunjukkan seseorang itu sebagai seorang yang berani selain pada masa yang sama menunjukkan kedewasaan anak lelaki. Pada masa yang sama, lelaki yang mendapat banyak kepala akan mendapat status sosial yang tertentu dalam masyarakat Iban. Mereka yang mendapat memenggal banyak kepala akan mendapat gelaran *bujang berani* atau *raja berani* daripada masyarakat. Bagi lelaki yang tidak pernah mengikuti *ngayau*, mereka akan dijadikan bahan lawak dan tidak dapat berkahwin dengan pilihan sendiri.

### Berbancak babi

*Berbancak babi* ini merupakan amalan dalam masyarakat Iban yang mengorbankan babi untuk dipersembahkan kepada dewa dewi orang Iban bagi menyampaikan hasrat orang





Iban. Orang Iban percaya bahawa pengorbanan babi dalam sesebuah acara dapat menghubungkan dunia ini dengan dunia mistik.

### Berpalit mata bersapu mua

*Berpalit mata bersapu mua* ini merupakan kata halus orang Iban yang bermaksud seseorang tidak akan mengungkit peristiwa-peristiwa lalu yang boleh menyebabkan permusuhan antara pihak yang berkepentingan selepas daripada upacara ini.

### Panggau Libau

Panggau Libau merupakan dunia atau tempat tinggal kepada dewa dewi bangsa Iban. Orang Iban percaya bahawa orang *Panggau Libau* sentiasa mengawasi kehidupan



### Bujang berani/ Raja berani

Bujang berani/raja berani merupakan gelaran yang diberikan kepada lelaki Iban yang telah terlibat dengan adat *ngayau*. Mereka yang dipanggil bujang berani/raja berani haruslah menampilkkan kekuatan dan keberanian semasa *ngayau* selain mereka ini berjaya mendapat kepala musuh yang banyak.

### 1.9 Tinjauan Kajian Lepas

Kajian tentang perkembangan politik orang Iban pada tahun 1924 sehingga tahun 1963



amat penting kerana setakat ini penulisan tentang sejarah perkembangan politik Iban dalam tempoh 1924 sehingga tahun 1963 amat terhad. Tulisan yang menyentuh tentang perkembangan politik dalam tempoh tersebut hanya menumpukan aspek tertentu dan tidak menggambarkan keseluruhan perkembangan politik Iban di Sarawak pada ketika itu. Antaranya, dalam tesis PhD Jayum A. Jawan, *Political Change and Economic Development Among the Iban of Sarawak, East Malaysia*, terdapat satu bab (bab 2) yang membincangkan tentang perkembangan politik Iban dari zaman sebelum kedatangan Brooke sehingga ke zaman pembentukan Malaysia pada tahun 1963.<sup>7</sup> Penulisan ini menggunakan metodologi sains sosial untuk mengkaji perkembangan politik Iban. Penulis membahaskan struktur kepimpinan tradisional Iban dengan membahagikan kepimpinan Iban kepada dua peringkat. Peringkat pertama merangkumi tuan rumah dan rumah panjang manakala peringkat kedua merangkumi penghulu, temenggung dan temenggung. Struktur politik Iban menurut penulis telah mengalami perubahan apabila Brooke menginstitusikan sistem penghulu mengikut kepada daerah pada tahun 1855. Pada masa yang sama, sistem ini amat dipengaruhi dengan kejayaan ekspedisi ketenteraan yang dilaksanakan oleh ketua-ketua kaum Iban ini. Ketua-ketua yang berjaya dalam ekspedisi akan dilantik menjawat jawatan seperti penghulu, temenggung atau pelbagai lagi jawatan lain dalam kerajaan. Hal ini terbukti apabila Nanang, Insul dan Pengarah Ringkai, Penghulu Dalam Munan dilantik menjawat jawatan dalam kerajaan. Jawatan temenggung hanya dianugerahkan kepada Temenggung Koh selepas peristiwa perdamaian di Kapit pada 1924. Hal ini membuktikan bahawa kepimpinan orang Iban dikuasai oleh keluarga bujang berani Iban.

<sup>7</sup> Jayum A. Jawan, "Political Change and Economic Development among the Iban of Sarawak, East Malaysia" (tesis PhD, University of Hull, 1991), 110-149.

Kajian ini bertujuan untuk melihat implikasi perdamaian Kapit terhadap politik orang Iban dari tahun 1924 sehingga tahun 1963. Daripada tinjauan kajian lepas, jelas menunjukkan bahawa hingga setakat ini hampir kesemua penulisan yang berkaitan dengan politik orang Iban tidak memberikan tumpuan yang sewajarnya terhadap perkembangan politik orang Iban di Sarawak selepas upacara perdamaian di Kapit. Pada masa yang sama, masyarakat Iban merupakan masyarakat majoriti yang mendiami bumi Sarawak. Peristiwa perdamaian di Kapit pada 16 November 1924 merupakan peristiwa bersejarah bagi orang Iban terutamanya Penghulu Koh telah diberikan Brooke gelaran temenggung bagi seluruh masyarakat Iban di Sarawak. Perkara ini amat menarik untuk dilihat terutamanya orang Iban sepanjang zaman telah menentang pemerintahan Brooke

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah ptbupsi

Brooke melalui peristiwa perdamaian ini berjaya menyatukan etnik yang bermusuhan di Sarawak. Kajian ini pada masa yang sama bertujuan untuk memberikan interpretasi yang betul daripada sudut orang Sarawak. Hal ini dapat dilihat kebanyakkan penulisan yang sedia ada banyak ditulis oleh orang bukan Iban. Keadaan ini menyebabkan kebanyakkan penulisan ini melihat aspek kebudayaan orang Iban daripada sudut pandang budaya mereka sendiri. Pengaruh upacara perdamaian di Kapit pada 1924 terhadap kesinambungan politik orang Iban juga kurang mendapat pemerhatian daripada penyelidik sebelum ini. Oleh itu, kajian ini juga cuba memaparkan kesan upacara perdamaian di Kapit terhadap perjalanan politik orang Iban yang justeru membuka tirai baru kepada perkembangan politik orang Iban yang menentang Brooke selama ini. Sebaliknya, kebanyakkan penulisan hanya memberikan penekanan terhadap struktur

politik orang Iban, aspek yang mempengaruhi sistem politik orang Iban, perkembangan politik orang Iban, faktor yang membawa kepada perdamaian Kapit dan peranan upacara perdamaian.

Antara tema yang dibincangkan oleh penulis ini ialah struktur politik orang Iban. Jayum Jawan membahaskan struktur politik orang Iban. Penulisan tesis Jayum telah membahaskan struktur politik orang Iban daripada bermula daripada struktur politik orang Iban dari zaman tradisional sehingga zaman moden yang amat dipengaruhi oleh keturunan pahlawan.<sup>8</sup> Jayum telah membincangkan struktur politik orang Iban amat berkait rapat dengan pemimpin masyarakat orang Iban. Pemimpin masyarakat orang Iban yang terdiri daripada penghulu, pemanca dan temenggung mempunyai pengaruh yang luas dalam masyarakat Iban. Keadaan ini justeru telah dimanfaatkan oleh Brooke dalam mengukuhkan dinasti Brooke di Sarawak. Hal ini jelas melalui lantikan Brooke terhadap pemimpin masyarakat Iban seperti Nanang, Insul dan Pengarah Ringkai, dan Penghulu Dalam Munan dilantik menjawat jawatan dalam kerajaan. Jawatan temenggung hanya dianugerahkan kepada Temenggung Koh dalam peristiwa perdamaian Kapit pada tahun 1924 juga merupakan salah satu daripada struktur politik orang Iban yang berlandaskan kepada pemimpin tradisional yang berketurunan pahlawan. Keadaan ini seterusnya berterusan sehingga zaman politik moden di Sarawak. Semasa pembentukan Malaysia, pemimpin masyarakat yang terdiri daripada penghulu dan temenggung dilihat dominan dalam politik pada ketika itu. Hal ini jelas apabila penubuhan parti PESAKA yang

<sup>8</sup> Jayum A. Jawan, “Political Change and Economic Development among the Iban of Sarawak, East Malaysia” (tesis PhD, University of Hull, 1991), 110-149.

didominasi oleh golongan aristokrat Iban yang diberikan gelaran penghulu dan temenggung jika dibandingkan dengan SNAP yang terdiri daripada kumpulan Iban generasi yang lain. Metodologi yang digunakan oleh Jayum dilihat amat jelas apabila Jayum telah menggunakan sumber yang pelbagai bagi mendapatkan gambaran mengenai struktur politik orang Iban. Ini dapat dilihat apabila Jayum telah merujuk buku, jurnal, akhbar, sumber lisan, tesis, dan bahan yang diterbitkan oleh kerajaan. Namun begitu, Jayum dilihat melihat struktur politik orang Iban dari perspektif bidang sains politik sehingga Jayum terlepas melihat implikasi upacara perdamaian Kapit ini terhadap politik orang Iban.

Jayum Jawan pada masa yang sama turut membahaskan struktur politik orang Iban terutamanya membahas struktur politik dari zaman tradisional sehingga zaman pembentukan Malaysia. Jayum dilihat mengulangi tesis dalam penulisannya yang terdahulu. Jayum menyatakan struktur politik tradisional orang Iban dalam dua peringkat iaitu peringkat pertama merangkumi tuan rumah dan rumah panjang manakala peringkat kedua merangkumi penghulu, pemanca dan temenggung. Namun begitu, penulis juga tidak membahaskan peranan temenggung terutamanya selepas upacara damai di Kapit Sarawak pada tahun 1924 yang justeru merupakan titik peralihan yang penting dalam perkembangan politik orang Iban. Di sebalik kelemahan penulisan ini, Jayum dilihat berjaya membahaskan peranan SNAP sebagai sebuah parti yang amat berpengaruh di Sarawak pada ketika itu sehingga dianggap ancaman kepada PESAKA.<sup>9</sup> Jayum

<sup>9</sup> Jayum A. Jawa, *Iban Politics and Economic Development Their Patterns and Change* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1994), 29-84.

menyatakan bahawa SNAP merupakan parti yang cemerlang berbanding dengan PESAKA. Oleh itu, parti SNAP mendapat sokongan yang meluas dalam kalangan orang Iban. Sebahagian besar kandungan buku ini memberikan tumpuan kepada perkembangan politik orang Iban selepas 1963.

Selain itu, Jayum A. Jawan, memberikan sedikit maklumat mengenai perkembangan politik orang Iban.<sup>10</sup> Buku ini ditulis dalam skop yang sangat luas. Skop ini dapat dilihat dalam empat bahagian yang utama iaitu sejarah awal Malaysia, organisasi dalam kerajaan, elemen dalam kerajaan berserta dengan fungsinya dan operasi dan matlamat kerajaan. Jayum hanya menyentuh serba sedikit tentang sejarah Sarawak di bawah pemerintahan Brooke. Kajian terhadap politik orang ini terutamanya perjanjian

Kapit tidak dibahaskan dengan mendalam. Namun begitu, penulisan ini penting terutamanya Jayum membahaskan sejarah sejarah awal pembentukan Malaysia dengan memberi penekanan terhadap perkembangan politik yang berlaku di Semenanjung Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak. Jayum seterusnya membahaskan penyerahan Sarawak kepada British pada tahun 1946 dan pembentukan Malaysia pada 1963 tanpa menyentuh perkembangan politik orang Iban secara mendalam. Keadaan yang sama juga berlaku apabila Jayum dilihat hanya membahaskan parti politik Sarawak National Party (SNAP) yang dibentuk oleh Stephen Kalong Ningkan pada Mac 1961. Pada masa yang sama, Jayum juga cuba untuk memberikan gambaran terhadap Parti Pesaka Anak Sarawak (SNAP) yang diketuai oleh Temenggung Jugah. Kajian ini menggunakan metodologi sains sosial. Penjelasan yang ringkas ini justeru menyebabkan kelompongan dalam

<sup>10</sup> Jayum A. Jawan, *Malaysia Politic & Government* (Selangor: Karisma Publication Sdn. Berhad, 2011), 1-45.

perkembangan politik orang Iban sepanjang tempoh ini. Kajian ini menggunakan metodologi sains sosial. Salah satu reaksi orang Iban terhadap pemerintahan Brooke di Sarawak ialah tercetusnya kebangkitan Rentap. Pada masa yang sama, Jayum tidak terlepas membahaskan pemberontakan Bantin meskipun secara ringkas.

Tema kedua yang menjadi tumpuan penulis ialah aspek yang mempengaruhi sistem politik orang Iban. Nicholas Tarling telah membahaskan prinsip yang menjadi asas dalam pemerintahan Brooke di Sarawak.<sup>11</sup> Tarling berpendapat bahawa setiap Rajah Brooke menggunakan pendekatan yang berbeza. Perbezaan prinsip yang digunakan dalam justerunya telah mempengaruhi segala dasar Brooke terhadap penduduk pribumi di Sarawak. Tarling menyatakan Rajah James Brooke dilihat cuba untuk menstabilkan Sarawak yang berada dalam huru hara pada ketika itu. Kestabilan ini dilihat pentig bagi James Brooke bagi memastikan kepentingan Brooke dari aspek perdagangan terjaga. Hal ini menjadikan James Brooke begitu agresif menentang kebangkitan orang Iban yang mengancam kestabilan dinasti Brooke. Charles Brooke, Rajah Kedua Sarawak dilihat juga mengadaptasi dasar yang sama seperti James Brooke. Charles Brooke begitu giat melaksanakan dasar pasifikasi dalam meluaskan kuasanya. Dasar pasifikasi yang diamalkan oleh Brooke ini berpunca daripada kebangkitan penduduk tempatan terhadap pemerintahan Brooke selain pada ketika ini Charles Brooke berdepan saingan daripada Syarikat Borneo Utara British. Charles Brooke yang merupakan Rajah terakhir Sarawak menurut Tarling menampilkan satu sisi yang berbeza

<sup>11</sup> Nicholas Tarling, "Brooke Rule In Sarawak And Its Principles," *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 65, no. 1. (1992): 15-25, diakses pada April 1, 2021, <http://www.jstor.org/stable/41493196>.

dibandingkan dengan James Brooke dan Charles Brooke. Pemerintahan Charles Vyner Brooke memperlihatkan dasar yang memihak kepada penduduk pribumi. Hal ini jelas apabila Charles Vyner Brooke memberikan peluang kepada orang Melayu dan orang Iban mentadbir bersama-sama dengan Charles Vyner Brooke. Peluang orang Iban dalam lapangan politik semakin cerah apabila Charles Vyner Brooke memperkenalkan perlembangan bertulis pada 1941 yang memberikan penduduk pribumi berkerajaan sendiri. Zaman pemerintahan Charles Vyner Brooke menyaksikan satu sisi yang berbeza daripada pemerintah Brooke yang terdahulu. Rajah Charles Vyner Brooke telah mengubah dasar-dasar yang agresif kepada dasar yang memihak kepada penduduk pribumi. Pada zaman pemerintahan Charles Vyner Brooke, orang Melayu dan Iban memainkan peranan yang aktif dalam kerajaan. Oleh itu, Charles Vyner Brooke telah memperkenalkan perlembangan bertulis pada 1941 yang akan menggantikan pemerintahan Brooke. Namun begitu, hasrat ini tidak kesampaian apabila Perang Dunia Kedua meletus. Metodologi yang digunakan oleh Tarling dalam penulisan ini ialah sejarah. Tarling telah menggunakan sumber-sumber tempatan misalnya diari Brooke dan dokumen kerajaan. Namun begitu, Tarling dilihat tidak menggunakan sumber-sumber pribumi untuk mendapatkan gambaran yang tepat bagi meneliti prinsip pemerintahan Brooke di Sarawak. Hal ini justeru menjadikan perkembangan orang Iban di bawah pemerintahan Brooke tidak dibincangkan dengan tepat dan jelas.

Di bawah tema yang sama, Nalong Buda berpendapat bahawa dasar Brooke yang agresif telah mempengaruhi sistem politik orang Iban. Pemerintahan Brooke telah mengimplementasikan dasar yang agresif bagi memastikan kepentingan Brooke di

Sarawak terjamin.<sup>12</sup> Hal ini dapat dilihat apabila Charles Brooke mengadakan The Great Kayan Expedition selepas orang Iban Katibas mengadu kepada Rajah Charles Brooke bahawa orang Kayan selalu memburu orang Iban. Pada masa yang sama, orang Kayan ini telah bersubahat menyembunyikan Sawing, Sakalai, Talip yang telah membunuh Charles Fox dan Henry Steele di Kanowit merupakan salah satu sebab Brooke melancarkan The Great Kayan Expedition ini. Ekspedisi ini memperlihatkan ramai pemimpin Iban ikut serta untuk menyerang orang Kayan. Antara yang terlibat dalam ekspedisi ini ialah Nanang anak OKP Dana (Bayang), Linggir, (Mali Lebu), Pelima Bakir, Minggat (Apai Runai), Chulo (Tarang), Pelima Mujah (Buah Raya), Ubong @ Unchat, Lintong (Mua Hari), Balang (Balai Nyabung), adik Balang iaitu Ranggau, Unggat, Gerinang (Nitik) dan Orang Kaya Gasing. Orang Kayan kalah dalam ekspedisi ini dan mlarikan diri ke hulu Anap, Tatau. Bagi memastikan kerajaan Brooke stabil, perdamaian antara orang Iban telah diaturkan di Kapit pada Oktober 1863. Charles Brooke pada masa yang sama telah mengadakan ekspedisi bersama-sama dengan orang Iban untuk mengalahkan orang Iban sendiri. Sebagai contoh, Pengulu Minggat Apai Runai dari Awik, anak Pengulu Minggat sendiri iaitu Pengulu Dalam Munan Apai Umi dari Sibu (Bawang Assan), Orang Kaya Gasing dan Sandom dari Skrang, Chulo, Jabang Apai Umping dari Bangat, Pengulu Garran, Orang Kaya Temenggung Jugah dari Lundu (Sebuyau) dan Orang Kaya Janting dari Banting (Lingga). Pada masa yang sama, sebilangan kecil orang Iban yang memihak kepada Rajah Brooke enggan menentang orang Iban sendiri. Sebagai contoh, Balang Apai Ngelambong memihak kepada Rajah tetapi tidak pernah menyertai ekspedisi menentang orang Iban sendiri. Begitu juga,

<sup>12</sup> Nalong Buda, "Jerita Tuai Iban Sarawak Maya Pegai Rajah Brooke," *Majalah Pegari*, Julai 2008, 12-14.



Temenggung Koh tidak akan menyerang orang Iban. Rajah Charles Brooke telah mengadakan ekspedisi yang terakhir yang mana Rajah Charles Brooke mengetuai ekspedisi menentang orang Iban. Pada tahun 1903, Rajah Charles Brooke menentang Bantin (Ijau Lelayang). Dalam ekspedisi ini, anak buah Rajah Brooke iaitu Penghulu Dalam Munan telah cedera teruk. Sebagai membala budi khidmat Munan terhadap kerajaan Brooke, Rajah Brooke telah menganugerahkan Munan dengan gelaran Penghulu Dalam yang amat tinggi pada ketika itu. Namun begitu, anugerah temenggung yang rasmi hanya diberikan oleh kerajaan Brooke kepada orang Temenggung Koh selepas daripada peristiwa berbanchak babi (*berpalit mata bersapu mua*) di Kapit pada tahun 1924. Pada ketika itu jawatan temenggung ini cuma disandang oleh seorang individu sahaja yang akan mewakili orang Iban di seluruh Sarawak. Jawatan ini mulai berubah pada ketika pembentukan Malaysia apabila temenggung hanya berkuasa dalam bahagian masing-masing. Nalong Buda dilihat tidak mengemukakan sumber bagi penulisan ini. Penulisan ini merupakan ringkasan kepada buku yang telah diterbitkan oleh Nalong Buda dan Johnny Chuat. Oleh itu, penulisan ini terlalu banyak bergantung kepada temu bual bersama dengan *lemambang*. Penulis hanya merujuk beberapa buah buku sahaja untuk penulisan ini menyebabkan penulisan ini meninggalkan banyak kelompangan untuk dikaji.

Di bawah tema yang sama, Nalong Buda dan Johnny Chua, membahaskan aspek yang mempengaruhi sistem politik orang Iban. Menurut Nalong Buda dan Johnny Chuat, sejarah jawatan dan gelaran temenggung mempunyai kaitan yang amat rapat dengan dunia spiritual melibatkan orang Iban dengan orang *Panggau Libau*. Hal ini



bermakna jawatan temenggung ini tidak hanya mempunyai kuasa khusus dalam urusan pentadbiran semata-mata tetapi jawatan ini boleh dianggap boleh menghubungkan dunia manusia dengan dunia manusia. Malah, jawatan temenggung boleh dilihat sebagai satu simbolik suci yang memberikan kuasa yang sangat besar dalam komuniti orang Iban sehingga kredibiliti pemegang jawatan tersebut tidak akan dipersoalkan oleh masyarakat Iban itu sendiri. Jawatan temenggung yang pertama telah dianugerahkan oleh orang Panggau Libau kepada Temenggung Simpi Pala. Sebagai tanda menerima gelaran dan jawatan ini, Temenggung Simpi Pala telah menerima meriam, gong dan bendera daripada orang Panggau Libau.<sup>13</sup> Penulis seterusnya membawa perbincangan kepada jawatan dan gelaran temenggung yang diwujudkan oleh Rajah Charles Brooke dan diberikan kepada Pengulu Koh selepas kejayaan Pengulu Koh menamatkan kekacauan di Kapit dengan mengadakan upacara *bebancak babi* (*berpalit mata bersapu mua*) yang dihadiri lebih daripada 4000 orang pada 16 November 1924. Namun begitu, penulis tidak membincangkan perubahan politik orang Iban apabila pemimpin orang Iban telah menerima jawatan dan gelaran tertinggi temenggung daripada Rajah Brooke selain penulis menghuraikan peristiwa itu secara ringkas sahaja.

Tema seterusnya yang dapat dilihat dalam kajian literatur ini ialah perkembangan politik orang Iban. Nalong Buda dan Johnny Chuat memberikan gambaran yang ringkas dan padat mengenai sejarah politik orang Iban pada zaman Kesultanan Brunei sehingga peristiwa damai di Sarawak. Nalong dan Johnny telah memulakan perbahasan kaitan

<sup>13</sup> Nalong Buda dan Johnny Chuat, *Gempung Jerita Tuai* (Bintulu: Pegari Iban Production, 2007), 238.

politik orang Iban dengan Kesultanan Brunei.<sup>14</sup> Hal ini jelas apabila gelaran yang diterima oleh pahlawan Iban ini datang daripada Kesultanan Brunei. Antara gelaran yang dianugerahkan tersebut ialah Pelima, Orang Kaya, Orang Kaya Pelima, Orang Kaya Pemancha dan Orang Kaya Temenggung. Pemberian gelaran dan jawatan ini melihatkan hubungan yang rapat dengan antara orang Iban dengan Kesultanan Brunei apabila ramai ketua Iban menerima gelaran daripada Kesultanan Brunei seperti Orang Kaya Beti (Tajai Ngindang), Orang Kaya Gun (Mangku Bumi), Orang Kaya Antau (Lingga Negeri), Orang Kaya Pemancha Dana (Bayang), Orang Kaya Temenggaung Jugah, Orang Kaya Temenggung Tandok, Orang Kaya Panglima (Pelima) Randi (Rantai), Orang Kaya Gasing, dan orang Kaya Mujah (Buah Raya). Namun begitu, ada sebahagian pemimpin orang Iban yang enggan menerima gelaran daripada Kesultanan Brunei kerana tidak mahu mengikut telunjuk Kesultanan Brunei. Antaranya ialah Libau (Rentap), Linggir (Mali Lebu), Unal (Bulan), Balang (Balai Nyabung), Kedu (Lang Ngindang), Ngumbang (Berauh Langit), Bantin (Ijau Lelayang), Lintong (Muahari), Gerinang (Nitik), Kana (Nitar Tanah), dan Janting (Lang Labang). Pemimpin-pemimpin Iban ini yang tidak menerima jawatan daripada Kesultanan Brunei ini bebas daripada pengaruh Kesultanan Brunei dan bebas untuk menjalankan pemerintahan sendiri dalam kawasan masing-masing. Menurut Nalong Buda dan Johnny Chuat, orang Iban tidak memainkan peranan yang aktif dalam pentadbiran Brooke di Sarawak. Hal ini berpunca daripada orang Iban yang masih mengamalkan ayat ngayau. Keadaan mulai berubah apabila Brooke telah menggunakan peristiwa damai di Kapit pada tahun 1924 sebagai langkah

<sup>14</sup> Nalong Buda dan Johnny Chuat, *Iban Pegai Rajah Brooke* (Bintulu: Pegari Iban Production, 2009), 89-90.

untuk menjadikan orang Iban bertamadun. Dalam peristiwa damai ini, Brooke telah memberikan jawatan temenggung kepada Penghulu Koh Anak Jubang daripada Nanga Entawau, Kapit selepas kejayaan Temenggung Koh mengadakan upacara damai bebanchak babi antara orang Iban dengan Orang Ulu di Kapit pada 1924. Gelaran ini merupakan gelaran tertinggi (Dayak Paramount Chief) yang diberikan kepada orang Iban. Dalam upacara ini juga, Temenggung Koh dan Taman Kila telah menerima sebuah tajau menaga labang setiap seorang manakala penolong kepada Temenggung Koh dan Taman Kila, iaitu Pengulu Kana dan Pengulu Abun menerima gong setiap seorang daripada Rajah. Peristiwa perdamaian ini justeru menurut Nalong Buda dan Johnny Chuat telah mengubah rentak politik orang Iban tidak lagi mengamalkan adat ngayau sebaliknya memberikan taat setia kepada pemerintahan Brooke. Johnny Chuat dan Nalong Buda

dilihat banyak ~~us~~bergantung kepada temu bual dengan lemambang. Penulis pada masa yang sama hanya membuat rujukan terhadap beberapa buah buku saja. Temu bual yang digunakan oleh penulis kebanyakannya datang lemambang orang Iban daripada kawasan yang tidak jauh daripada Kapit. Pada masa yang sama, penulis tidak merujuk sumber arkib untuk penulisan ini. Hal ini justeru menjadi satu kelemahan dalam penulisan ini.

Sementara itu, di bawah tema yang sama, Persatuan Kesusteraan Sarawak, membahaskan perkembangan politik orang Iban secara ringkas sepanjang tempoh 1924 sehingga 1963.<sup>15</sup> Penulisan ini menggunakan metodologi sejarah. Aspek yang disentuh di dalam buku ini berkaitan dengan perkembangan gelaran temenggung bermula dengan

<sup>15</sup> Persatuan Kesusteraan Sarawak, *Our Sarawak*, 44-45.

Penghulu Koh merupakan individu yang bertanggungjawab menjayakan upacara perdamaian yang diadakan di Kapit untuk mendamaikan Iban di Batang Rajang dan kawasan sekitar dengan Kayan, Kenyah dan Baloi yang tinggal di sempadan Sarawak dan Dutch Borneo. Perbincangan seterusnya terarah kepada sejarah persengketaan antara orang Iban dengan orang Kayan, Kenyah dan Baloi yang telah berlangsung begitu lama. Oleh itu, kerajaan Belanda dan Rajah Brooke cuba mencari jalan penyelesaian untuk menamatkan persengketaan ini. Pada 13, Novemeber 1924, Penghulu Koh telah mengumpulkan 4,000 Iban di Kapit bersama-sama dengan orang Kayan, Kenyah dan Baloi datang dengan 95 bot. Peristiwa ini telah berlangsung depan Rajah Charles Brooke pada 16 November 1924. Setelah tamat upacara perdamaian ini, Penghulu Koh telah menerima tempayan yang berharga dan menerima gelaran temenggung daripada



Rajah. Hal ini menjadi kekurangan apabila penulis tidak membahaskan perkembangan politik orang Iban dengan lebih lanjut selepas daripada upacara perdamaian Kapit ini.

Di bawah tema yang sama, Chin Ung-Ho telah mengemukakan perkembangan politik Iban yang mana memberikan fokus kepada politik zaman moden. Chin telah membahaskan politik kepartian orang Iban menerusi Sarawak United People's Party (SUPP). Chin telah memulakan sejarah politik orang Iban di bawah Brooke. Rajah James Brooke menurut Chin dilihat telah melantik orang Iban dan Melayu secara tidak rasmi ke dalam pentadbiran negeri bagi mengelakkan orang Iban dan Melayu terdedah kepada dunia luar.<sup>16</sup> Prinsip yang sama juga diteruskan pada zaman Rajah Charles Brooke.

<sup>16</sup> Chin Ung-Ho, *Chinese Politics in Sarawak A Study of the Sarawak United People's Party* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1997), 1-99.

Malah, Rajah Charles Brooke dilihat begitu giat menentang orang Iban yang menentang pemerintahan Brooke. Zaman pemerintahan Charles Vyner Brooke berbeza pula dengan zaman Rajah James Brooke dan Rajah Charles Brooke apabila Rajah Charles Vyner Brooke memberikan peluang kepada orang Cina untuk terlibat dalam pemerintahan. Menurut Chin, orang Iban yang membentuk komposisi kaum yang besar di Sarawak. Orang Iban telah membentuk parti politik yang tersendiri seperti SNAP dan PBDS. PBDS ini merupakan parti serpihan daripada parti SNAP. Aspek lain yang disentuh di dalam penulisan ini sejarah perjalanan SUPP. SUPP terlibat dalam gerakan anti penyerahan Sarawak kepada British. Chin menyatakan orang Iban dan bumiputera menyokong usul penyerahan Sarawak kepada British apabila adat lama dijamin oleh British. SUPP pada masa yang sama tidak terlepas terdedah kepada ideologi komunis.



05-Komunis dilihat telah menggunakan SUPP untuk mendapatkan sokongan daripada rakyat tempatan. Hal ini dapat dilihat SUPP telah dijadikan sebagai pangkalan untuk menyebarkan ideologi komunis kepada orang Iban. Selain itu, Chin menyatakan bahawa parti politik Iban yang pertama muncul ialah Sarawak National Party (SNAP). Parti ini mendapat sokongan daripada orang Iban dan orang Dayak yang lain yang datang dari bahagian pertama, keempat dan kelima Sarawak. SNAP telah menolak usul penubuhan Malaysia oleh Tunku Abdul Rahman. Pada masa yang sama Chin telah membahaskan pilihan raya pada tahun 1963. Dalam pilihan raya ini, PESAKA, SNAP, PANAS, BERJASA dan SCA telah membentuk pakatan yang dikenali sebagai Sarawak United Front (SUF). Namun begitu, PANAS telah keluar daripada pakatan SUF ini. Pilihan raya ini menyaksikan SUPP telah mendapat 30.6% manakala PANAS mendapat 15.2%. SUPP telah mendapat 24.5% manakala calon bebas telah mendapat 29.7%. Penulisan ini

menggunakan metoologi sejarah. Chin telah merujuk rekod-rekod kerajaan, rekod-rekod parti, buku, jurnal, tesis dan temu bual. Temu bual hanya dilakukan dengan pemimpin politik orang Cina sahaja. Namun begitu, penglibatan orang Iban dalam SUPP tidak mendapat tempat yang sepatutnya oleh Chin walhal orang Iban merupakan ahli yang paling ramai dalam SUPP.

Ho Hui Ling pada masa yang sama tidak terlepas membahaskan tema sejarah politik orang Iban. Ho telah membahaskan perkembangan politik orang Iban semasa penyerahan Sarawak kepada Kerajaan British pada tahun 1946 sehingga 1951.<sup>17</sup> Ho berpendapat bahawa isu penyerahan Sarawak kepada British ini telah menjadi pemangkin kepada kebangkitan orang Iban terlibat dalam politik secara serius. Hal ini kerana, orang Iban melihat penyerahan Sarawak kepada British akan mengubah status negeri Sarawak kepada tanah jajahan British. Perubahan status di bawah kerajaan British ini justeru telah mengubah hak istimewa penduduk peribumi khususnya orang Iban. Oleh itu, orang Iban begitu giat menentang penyerahan Sarawak kepada British. Pada masa yang sama, majoriti penduduk di Sarawak menyokong keputusan Rajah Brooke untuk menyerahkan Sarawak kepada Sarawak. Hal ini dapat dilihat terutamanya secara keseluruhannya orang Dayak dan orang Cina menyokong perubahan ini kecuali segelintir kecil yang menentang penyerahan ini. Salah seorang yang menunjukkan persetujuan dalam penyerahan Sarawak kepada British ialah Temenggung Koh. Temenggung Koh merupakan ketua orang Iban bagi Sarawak. Pada masa yang sama,

<sup>17</sup> Ho Hui Ling, "Penyerahan Sarawak Kepada Kerajaan British, 1946-1951," *Persatuan Sejarah Malaysia* 29, no. 4. (2001): 43-67, diakses pada Mac 21, 2021, [https://myrepository.pnm.gov.my/bitstream/123456789/1326/1/MDSS\\_2001\\_Bil29\\_04.pdf](https://myrepository.pnm.gov.my/bitstream/123456789/1326/1/MDSS_2001_Bil29_04.pdf).

sebilangan kecil orang Dayak menentang penyerahan Sarawak kepada kerajaan British. Penentangan ini dapat dilihat daripada orang Iban yang tinggal di Bahagian Pertama. Orang Iban ini telah menubuhan persatuan untuk menyertai golongan anti penyerahan Sarawak. Philip Jitam yang merupakan pengurus bagi SDA telah mengeluarkan kenyataan menentang penyerahan Sarawak kepada kerajaan British. SDA merupakan satu-satunya pertubuhan anti-penyerahan Dayak. ia ditubuhkan pada 1 Mac 1946 oleh sekumpulan kecil orang Bidayuh dan Iban dari Bahagian Pertama serta Kedua yang telah menetap di Kuching. Philip Jitam mengundi menentang penyerahan dalam Majlis Negeri pada 15 Mei 1946 selepas beliau sedar bahawa penyerahan itu tidak disokong oleh Tuan Muda, Betram Brooke. Dalam kegiatan anti-penyerahan, SDA bekerjasama rapat dengan PKMS dan ia juga bimbang terhadap dominasi orang Cina. Ho telah menggunakan sumber yang pelbagai dalam penulisan ini. Ho telah merujuk buku rekod kerajaan, dan akhbar tempatan. Namun begitu, Ho tidak dilihat tidak menggunakan dokumen-dokumen atau rekod parti SDA ini. Keadaan ini menyebabkan Ho tidak dapat menggambarkan secara tepat pendirian orang Iban khususnya pemimpin SDA dalam gerakan penentangan penyerangan Sarawak kepada British.

Di bawah tema yang sama, Ho Hui Ling sekali lagi telah membahaskan perkembangan politik orang Iban pada zaman moden. Ho telah memberikan fokus yang sama terhadap pergerakan politik orang Iban di Sarawak semasa penyerahan British kepada British. Dalam penulisan ini, Ho telah membuat sedikit penambahakan terhadap penulisannya yang terdahulu. Ho Hui Ling memulakan perbincangan dengan menyatakan Vyner Brooke memerintah Sarawak sehingga penaklukan Jepun pada

Disember 1941 dan selepas Jepun tewas pula Sarawak diserahkan kepada kerajaan British sebagai tanah jajahan mahkota British secara rasminya pada 1 Julai 1946.<sup>18</sup>

Penyerahan Sarawak kepada British ini justeru melahirkan sebuah polemik politik yang berpanjangan daripada pelbagai pihak khususnya Bumiputera. Hal ini menyebabkan kerajaan Sarawak telah berdepan dengan golongan anti penyerahan di Sarawak. Proses penyerahan Sarawak kepada British bermula dengan undian Rang Undang-Undang penyerahan dalam Majlis Negeri. Salah seorang yang menyokong penyerahan Sarawak kepada British ialah Temenggung Koh. Pada masa yang sama, Philip Jitam yang merupakan orang Iban dilihat menentang usul ini. Penentangan terhadap isu ini seterusnya semakin memuncak apabila sebilangan orang Dayak di bawah Sarawak Dayak Association (SDA) atau Persatuan Dayak Sarawak (PDS) turut menyatakan

bantahan mereka kepada perubahan taraf politik negeri Sarawak. Hal ini jelas pemimpin utama SDA pernah mengeluarkan kenyataan yang menentang penyerahan Sarawak kepada British. Hal ini menurut SDA, penyerahan Sarawak kepada British akan menukar status Sarawak menjadi tanah jajahan British. Keadaan ini menyebabkan apabila SDA juga menyertai gerakan anti penyerahan dan seterusnya secara terbuka menentang penyerahan Sarawak terhadap British. Penentangan orang Iban terhadap penyerahan Sarawak dapat dilihat apabila Nor Mohammad, Abang Han berserta ahli-ahli Pergerakan Pemuda Melayu (PPM) di Sibu, mendapatkan sokongan daripada ramai penghulu Iban termasuk dua orang pemimpin utama, iaitu Temenggung Koh dan Penghulu Jugah.

<sup>18</sup> Ho, H.L, "Pergerakan politik di Sarawak: Isu penyerahan Sarawak kepada British." In: Seminar Guru Sejarah: Pemantapan dan Pengisian Ilmu Sejarah Topik Terpilih dalam Sukatan Sejarah Tingkatan 5, 10-11 August 2017, (Dewan Kuliah C, Fakulti Sastera & Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2017), 1-27, diakses pada Mac 25, 2021, [http://eprints.um.edu.my/17849/1/DR\\_HO.pdf](http://eprints.um.edu.my/17849/1/DR_HO.pdf).

Penglibatan dua orang tokoh utama pemimpin masyarakat Iban ini justeru menyebabkan orang Iban juga menyokong anti penyerahan Sarawak. Kebangkitan ini kemudiaanya dilihat sebagai sebuah ancaman kepada hasrat British menguasai Sarawak. British justeru membuat tipu helah melagakan orang Melayu dengan orang Iban. British menyatakan bahawa penubuhan Rukun Tiga Belas semata-mata bertujuan untuk mengekalkan kepentingan orang Melayu di Sarawak. Pada masa yang sama, British cuba melobi sokongan daripada orang Iban dengan menghantar Gabenor, Ketua Setiausaha dan Gabenor Jeneral ke kawasan penempatan Iban untuk memperoleh sokongan mereka. Strategi yang digunakan British ini justeru menyebabkan ramai penghulu Iban di Bahagian Ketiga Sarawak menyokong penyerahan Sarawak terhadap British. Hal ini menyebabkan Temenggung Koh dan Penghulu Jugah bersama-sama orang Iban di kawasan berkenaan turut menyokong keputusan kerajaan Sarawak menyerahkan Sarawak kepada British. Keadaan ini justeru secara tidak langsung menyebabkan gerakan antipenyerahan menjadi semakin lemah kerana ramai pemimpin Dayak telah keluar dari gerakan anti penyerahan itu. Ho telah menggunakan banyak sumber untuk menjalankan kajian ini. Namun begitu, Ho hanya merujuk sumber sekunder dalam kajian ini. Ho hanya merujuk buku-buku yang hanya dihasilkan oleh penyelidik-penyalidik terdahulu. Pada masa yang sama, Ho tidak membahaskan perjalanan politik orang Iban sepanjang anti penyerahan Sarawak kepada British ini berlangsung.

Penulisan Barbara Watson Andaya dan Leonard Y. Andaya penting dalam melihat perkembangan politik orang Iban itu sendiri. Penulisan ini menggunakan metodologi sejarah. Penulisan ini merupakan hasil penulisan yang dihasilkan oleh pakar sejarah

Malaysia. Penulisan ini berfokus kepada sejarah Malaysia bermula dari zaman prasejarah sehingga ke zaman Malaysia moden 2015. Hal ini menjadikan skop yang dibincangkan amat luas. Hal ini justeru penulisan ini kurang mampu membahaskan perkembangan politik Iban dalam tempoh 1924 sehingga 1963. Di sebalik kelemahan ini, penulisan ini penting dalam memberi gambaran awal terhadap perkembangan politik orang Iban itu sendiri. Andaya membahaskan pembentukan kerajaan di Borneo bermula dengan James Brooke di Sarawak. James Brooke telah menjadi Rajah Sarawak apabila Kesultanan Brunei telah lemah.<sup>19</sup> Pemerintahan James Brooke di Sarawak ini justeru telah berdepan dengan kebangkitan orang Iban Batang Lumar, Skrang dan Saribas. Dinasti Brooke dilihat mempunyai hubungan yang rapat dengan British. Hal ini jelas apabila British membantu James Brooke dalam mematahkan kebangkitan orang Iban di Sarawak. Begitu juga, hubungan yang rapat ini diteruskan oleh pedagang-pedagang Negeri-Negeri Selat. British juga memainkan peranan dalam melantik James Brooke sebagai gabenor pertama Labuan pada 1847. Kelemahan Kesultanan Brunei telah menyebabkan Brunei menyerahkan menyerahkan kawasan-kawasan di Sarawak kepada Brooke. Dalam aspek pemerintahan, Brooke telah menujuhkan Supreme Council pada 1855 yang dianggotai oleh Rajah dan pembesar-pembesar Melayu. Perubahan seterusnya berlaku dalam zaman Charles Brooke yang mana Charles Brooke menujuhkan Council Negri pada 1865. Keanggotaan Council Negeri ini hanya terbuka kepada pemimpin Iban, ketua orang Melayu dan pegawai Eropah. Pada akhir pemerintahan Brooke di Sarawak, Brooke telah menentukan orang Melayu sebagai pentadbir, orang Cina sebagai pedagang

<sup>19</sup> Barbara Watson Andaya dan Leonard Y. Andaya, *A History of Malaysia* (London: Palgrave, 2017), 133-287.

manakala orang Iban sebagai tentera dan polis. Kaum-kaum lain seperti Bidayuh, Melayu, Kenyah dan Kayan tidak termasuk dalam polisi kerajaan. Pada tahun 1915, Charles Brooke telah memperkenalkan sebuah Committee of Administration yang terdiri daripada orang Eropah. Committee of Administration ini akan berfungsi sama dengan Supreme Council. Pada zaman pemerintahan Charles Vyner Brooke, institusi pemerintahan ini telah diabaikan manakala Supreme tidak lagi bersidang selepas tahun 1927. Charles Vyner Brooke telah memperkenalkan perlombagaan yang nyata telah mengubah Council Negri dan Supreme Council. Namun begitu, rancangan ini menemui kegagalan apabila Perang Dunia Kedua tercetus. Pendudukan Jepun di Borneo tidak dibahaskan dengan baik terutamanya melibatkan penglibatan orang Iban.



05-4506832



Tema ketiga yang menjadi fokus di dalam perbincangan dalam bidang ini adalah faktor perdamaian Kapit ini diadakan. Dave Lumenta berpendapat bahawa upacara perdamaian Kapit tahun 1924 ini berkait rapat dengan kepentingan ekonomi pihak yang terlibat.<sup>20</sup> Dave Lumenta berpendapat bahawa upacara perdamaian merupakan langkah terakhir bagi Iban Sarawak, Kayan, Kenyah dan Kajang bagi mewujudkan keamanan dan kestabilan di Sarawak selain fasa baharu dalam perkembangan orang Iban di bawah Brooke dari sudut ekonomi. Kawasan Apo Kayan merupakan kawasan yang begitu penting bagi kerajaan Brooke terutamanya sebahagian besar eksport produk hutan daripada Apo Kayan. Pada masa yang sama, kegiatan orang Iban untuk mendapatkan hasil hutan kawasan Apo Kayan di kawasan Borneo Belanda telah mewujudkan konflik

<sup>20</sup> Dave Lumenta, “The Political Economy of Ending Headhunting in Central Borneo: Inter-colonial and Kenyah perspectives on the 1924 Kapit Peacemaking Agreement and its aftermath,” 1070 – 1098.

antara kaum Kenyah dan kaum Iban. Keadaan ini bertambah buruk apabila orang Iban mengamalkan adat ngayau. Hal ini menyebabkan Brooke telah melancarkan ekspedisi ketenteraan sehingga ke tahun 1860 bagi membentras adat ngayau dalam kaum Iban. Brooke juga dilihat cuba untuk memonopoli perdagangan di kawasan tengah Borneo apabila Brooke mengemukakan tawaran kepada pemimpin-pemimpin di sekitar Kapuas jika mereka berdagang ke kawasan utara. Brooke menyatakan bahawa laluan perdagangan ke kawasan utara Sarawak lebih pendek ke Sarawak. Hal ini kerana, Brooke cuba untuk meliberalkan pembekalan produk hutan. Belanda berhasrat untuk mengadakan upacara perdamaian bagi menamatkan amalan ngayau dalam etnik sebagai langkah untuk mewujudkan ekspedisi ketenteraan yang profesional dalam pentadbiran Belanda. Namun begitu, wujud masalah tertentu kepada kerajaan Brooke dan Belanda



05-4

apabila amalan ngayau dalam kalangan masyarakat Borneo ini berkait rapat dengan kepercayaan dan status sosial. Konflik terus berlaku apabila Leppo' Tau dan Leppo' Tepu Kenyah telah membuat masalah dan membunuh di kawasan Tubau yang mana merupakan hub perdagangan yang penting bagi perdagangan Brunei berdekatan Belaga. Pada masa yang sama, orang Iban telah menyerang hendap ekspedisi perdagangan daripada Apo Kayan ke Rajang dan Sungai Baram menyebabkan perdagangan ini telah mengalami kerugian. Keadaan ini telah memaksa Leppo' Tau Kenyah merayu untuk mengadakan perdamaian dengan Residen Baram, Charles Hose supaya dapat membina mewujudkan perdamaian antara kaum demi melancarkan perdagangan kenyah yang melalui Sungai Baram. Pemimpin Kenyah, Peingan Surang telah tiba di Sibu pada Mac 1990 bersama-sama dengan 500 pengikutnya untuk menjual gutta percha yang bernilai tinggi bersama-sama dengan getah India untuk ditukarkan dengan garam dan barang

yang lain. Nilai perdagangan ini dianggarkan sebanyak ribuan dolar. Pada masa yang sama, pembinaan pasar di Kapit dan Belada merupakan alternatif bagi Apo Kayan Kenyah bagi memasarkan perdagangan selain dapat mengurangkan jarak perjalanan ke kawasan Borneo yang akan menemui banyak cabaran bentuk muka bumi. Hal ini penting bagi Brooke dan Belanda untuk mengadakan upacara perdamaian bagi memastikan perdagangan hasil hutan ini mendatangkan keuntungan kepada semua. Oleh itu, pada 16 November 1924, seramai 4,200 orang tempatan termasuk Apo Kyang Kenyah ang terdiri daripada 960 orang telah tiba di Kapit dengan 97 perahu untuk berdamai dengan orang Iban sebagai langkah untuk memelihara perdagangan hasil hutan yang menguntungkan. Dave telah merujuk sumber yang pelbagai di dalam penulisan ini. Dave telah merujuk kepada buku, jurnal, memoir, surat khabar dan temu bual. Namun begitu, sebahagian besar rujukan yang digunakan oleh Dave ini dihasilkan oleh penulis Barat. Pada masa yang sama, Dave sebaliknya tidak menggunakan sumber lisan orang Iban di dalam penulisan ini bagi mendapatkan gambaran yang tepat berkenaan upacara perdamaian ini. Hal ini kerana, orang Iban merupakan pihak yang terlibat secara langsung di dalam upacara perdamaian ini.

Di bawah tema yang sama, Ooi Keat Gin tidak terlepas mengupas perdamaian Kapit yang berkait rapat dengan kepentingan ekonomi.<sup>21</sup> Menurut Ooi, Charles Vyner Brooke berusaha untuk mewujudkan perdamaian dalam kalangan etnik di dalam Sarawak dengan mengadakan upacara perdamaian. Perdamaian ini pada masa yang sama penting kepada ekonomi Sarawak terutamanya perdamaian ini dapat melancarkan dan

<sup>21</sup> Ooi Keat Gin, "An Economic History Of Sarawak During The Period Of Brooke Rule, 1841-1946" (tesis PhD, University of Hull, 1995), 72-73.

mengembangkan perdagangan di Sarawak. Maka, *bebunoh babi bebaik* atau upacara perdamaian diadakan oleh Brooke untuk menyatukan semua kumpulan etnik di kaum yang saling bermusuhan di Sarawak. Oleh itu, upacara perdamaian telah diadakan di Simanggang melibatkan Dayak daripada kawasan Batang Lumar dengan Iban Skrang, Lemanak, dan Sungai Saribas pada tahun 1920. Pada masa yang sama, kerajaan Brooke telah mengadakan upacara perdamaian yang paling besar di Kapit pada tahun 1924 dengan tujuan untuk menghapuskan permusuhan antara orang Dayak yang tinggal di Sungai Rejang dan Kapit dengan Kayan dan Kenyah. Ooi telah menggunakan sumber yang pelbagai untuk kajian ini. Antaranya, Ooi telah menggunakan surat-surat, rekod mahkamah, manuskrip yang diterbitkan oleh Sarawak, sumber-sumber kolonial, sumber lisan, tesis, artikel, buku dan risalah dan surat khabar. Namun begitu, penggunaan



05-4506832

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil ShahPerpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

sumber lisan ini terhad kepada seorang informan sahaja. Temuan bual telah dijalankan dengan orang Cina yang ayahnya pernah menjalankan perniagaan di Sarawak sekitar 1920 sehingga 1930. Hal ini menjadi kelemahan kepada penulisan ini apabila penulis tidak dapat menggambarkan implikasi perdamaian Kapit ini terhadap politik orang Iban.

Robert Pringle di bawah tema yang sama berpendapat bahawa faktor perdamaian Kapit ini diadakan bagi menamatkan permusuhan antara orang Iban, etnik Kayan, Kenyah, Kjang dan kerajaan Brooke. Robert Pringle berpendapat bahawa krisis yang berlaku melibatkan pihak yang terlibat ditamatkan dengan perdamaian Kapit 1924. Pingle berpendapat bahawa krisis yang meruncing melibatkan amalan ngayau orang Iban ini berpunca daripada pemerintahan Brooke itu sendiri. Ketua-ketua yang menyokong Brooke akan diberikan jawatan seperti penghulu, temenggung atau pelbagai lagi jawatan

lain dalam kerajaan. Sebagai contoh, Nanang, Insul dan Pengarah Ringkai, Penghulu Dalam Munan memegang jawatan dalam kerajaan. Konflik yang berterusan dalam antara orang Iban dengan kerajaan Brooke telah menyebabkan orang Iban sering kali berpindah ke kawasan yang lain bagi tujuan keselamatan. Ini dapat dilihat daripada migrasi penduduk daripada kawasan Layar, Saribas dan Krian ke kawasan bawah Rejang. Orang Iban Saribas juga mendiami kawasan di Sungai Kanowit, termasuk kawasan Julau dan pada masa yang sama kawasan Kanowit menerima migrasi daripada Skrang dan Lemanak. Salah satu kumpulan yang berpindah ke Rejang termasuk orang Iban daripada kawasan Batang Luper. Orang Iban seterusnya bergerak ke kawasan Katibas menjadi dan semakin berkembang ke bahagian Balleh selepas orang Iban menentang Brooke. Perkembangan seterusnya menyaksikan orang Iban telah meminta Rajah Charles Brooke melancarkan ekspedisi Great Kayan Expedition untuk memburu pemberontak bukan Iban.

Namun begitu, orang Iban ingin terus mengamalkan adat ngayau ke atas orang bukan Iban. Rajah Charles Brooke yang melihat keadaan ini telah bertindak melancarkan ekspedisi ketenteraan terhadap orang Iban supaya orang Iban berhenti mengamalkan adat ngayau. Pada masa yang sama, Rajah Brooke telah membina kubu di Kapit untuk memastikan orang Iban tidak menyerang orang bukan Iban. Penghulu Merum yang menetap di Balleh dan Jampi telah meminta daripada kerajaan Brooke untuk masuk ke Katibas. Namun begitu, kerajaan Brooke tidak memberikan kebenaran kepada Penghulu Merum. Pada tahun 1905, Penghulu Merum telah berpindah ke Mujong dan Gat. Perpindahan ini memberikan peluang kepada orang Iban untuk menyerang orang Kayan di kawasan Belanda. Hal ini menyebabkan kerajaan Brooke melancarkan ekspedisi terhadap penduduk Iban di Mujong dan Gat. Pemberontakan terus berlaku antara

kerajaan Brooke dengan orang Iban semakin memuncak apabila orang Iban bertindak ganas membunuh orang Kayan dan merampas harta mereka. Rajah Brooke yang melihat keadaan ini terus melacarkan eskpedisi ketenteraan Nanga Pila untuk menghukum orang Iban yang memberontak di Balleh. Permusuhun antara orang Iban dengan orang Kayan tamat selepas kerajaan Brooke dan Belanda Borneo mengadakan upacara perdamaian di Kapit pada tahun 1924. Upacara ini merupakan sebuah upacara yang meletakkan satu transisi baru dalam arena politik Sarawak apabila orang Iban telah berjanji tidak akan melancarkan ngayau kepada orang Kayan, Kenyah, dan Kajang. Pada masa yang sama, Penghulu Koh yang merupakan wakil orang Iban telah menerima gelaran temenggung daripada Rajah Brooke. Kesannya, orang Iban tidak lagi agresif menentang pemerintahan Brooke di Sarawak. Pringle telah menggunakan sumber yang pelbagai di dalam penulisan ini.<sup>22</sup> Pringle telah merujuk bahan primer dan sekunder. Antara sumber yang dirujuk oleh Pringle ialah laporan kerajaan Brooke, diari Brooke, manuskrip, surat menyurat, temu bual, kertas parlimen British, undang-undang Sarawak, buku, artikel, dan surat khabar. Menarik untuk dilihat, Pringle telah menemu bual salah seorang pemimpin masyarakat Iban yang terlibat sendiri di dalam upacara ini. Pringle telah menemu bual Penghulu Gerinang yang merupakan salah seorang yang terlibat dalam upacara perdamaian Kapit 1924. Penghulu Gerinang menyatakan bahawa upacara perdamaian tidak pernah ada sebelum kedatangan Brooke.

R.H.W Reece pada masa yang sama menyatakan bahawa perdamaian Kapit 1924 ini bertujuan untuk menamatkan permusuhan antara etnik di Sarawak.<sup>22</sup> Reece

<sup>22</sup> R.H.W Reece, *The Name of Brooke The End of White Rajah Rule in Sarawak* (Kuala Lumpur: Oxford



berpendapat bahawa upacara perdamaian di Simanggang pada 1920 merupakan permulaan kepada upacara perdamaian Kapit tahun 1924. Upacara perdamaian di Simanggang ini merupakan inisitif kepada krisis yang berlaku di Sungai Iwan yang mana telah terjadi pembunuhan orang Iban di Sungai Iwan. Pembunuhan ini justerunya telah membawa kepada permusuhan melibatkan orang Iban Batang Lumar dengan Iban Skrang Lemanak dan Saribas. Permusuhan ini kemudiannya telah berakhir apabila upacara perdamaian dengan *berbancak babi* di Simanggang. Perkara yang sama turut terjadi antara Kayan, Kenyah, Kajang dari kawasan Apoi Kayan dan Sungai Balau dengan Iban dari Rejang Batang Ai. Bagi menamatkan permusuhan antara orang Kayan, Kenyah, Kajang dari kawasan Apoi Kayan dan Sungai Balau dengan Iban dari Rejang Batang Ai, MacBryan telah pergi ke Long Nawang di kawasan Belanda bersama dengan



ketua-ketua Iban untuk berbincang dengan ketua-ketua kaum di Apoi Kayan tentang perdamaian Kapit. Hasil perbincangan ini membawa hasil apabila kedua-dua buah pihak bersetuju untuk berdamai. Upacara perdamaian ini telah dihadiri seramai 800 orang Kayan Kenyah dan 5000 Iban pada November 1924. Antara yang hadir dalam kajian ini ialah Rajah Brooke dan pegawai Belanda. Reece telah merujuk banyak sumber primer dan sekunder untuk kajian ini. Antara sumber yang dirujuk oleh Reece ialah sumber primer daripada Great Britain, Sarawak, Australia, manuskrip, akhbar dan temu bual bersama dengan pemimpin British, Sarawak, Brunei, Australia dan New Zealand. Sumber sekunder yang digunakan antaranya ialah buku, artikel dan risalah. Temu bual yang dilakukan oleh Reece dengan orang Sarawak terutamanya orang Iban sendiri dilihat dapat membantu Reece untuk membina semula kronologi peristiwa ini dengan baik.

---

University Press, 1993), 21-22.



Namun begitu, Reece terlepas pandang apabila Reece tidak menjalankan temu bual bersama dengan pemimpin spiritual orang Iban misalnya *lemambah*. Hal ini kerana, *lemambah* merupakan ahli sejarah dalam masyarakat Iban dan menyimpan rekod-rekod penting tersebut dalam bentuk prosa tradisional Iban.

Henry Chan di bawah tema yang sama turut menyatakan bahawa upacara perdamaian Kapit ini bertujuan untuk menamatkan permusuhan antara etnik di Sarawak.<sup>23</sup> Namun begitu, Henry memberikan fokus kepada kaum Punan yang tersepit antara pemusuhan orang Iban dan orang Kenyah. Henry telah memulakan perbahasan dengan memberikan latar belakang kaum Punan. Kaum Puhan Vuhang terbahagi kepada tiga kumpulan yang utama iaitu Punan Vuhang, Punan Tekalet dan Punan Nuo. Punan Nuo mempunyai hubungan yang baik dengan kumpulan kam yang baik namun Punan Vuhang dan Punan Tekalet kerap kali menyerang antara satu sama lain. Krisis di dalam kaum Punan bertambah kompleks dengan penglibatan kaum Kayan yang memasuki kawasan Punan Tekalet di kawasan Balui menyebabkan konflik tercetus apabila Punan Tekalet bertindak menyerang Kayan sebagai tindak balas mempertahankan kawasan pegangan masing-masing. Namun begitu, Punan Tekalet telah kalah dalam perjuangan ini. Hal ini menyebabkan Punan Takelet mendapatkan perlindungan daripada Punan Vuhang. Punan Vuhang ini pada masa yang sama mempunyai hubungan yang rapat dengan Kayan berdasarkan kepada kisah lagenda yang kaum Punan Vuhang telah mengambil orang Kayan sebagai adik angkat. Punang Tekalet berharap Kayan tidak akan

<sup>23</sup> Henry Chan, "History and the Punan Vuhang: Response to Economic and Resource Tenure Change," dalam *Beyond The Green Myth Hunter-Gatherers of Borneo in the Twenty-First Century* (Denmark: Nordic Institute of Asian Studies, 2007), 192-196.

menyerang mereka apabila mereka di bawah perlindungan puak Punan Vuhang. Keadaan mulai berubah apabila Punan Tekalet tidak mencapai kata sepakat dengan dengan Punan Vuhang. Hal ini menyebabkan Punan Tekalet mendapatkan bantuan daripada Punan Nuo.

Kaum Punang Tekalet dan Punan Nuo telah berpindah ke kawasan Punan Vuhang atas kepercayaan kedua-dua kaum ini akan menjadi sasaran kepada orang Kayan apabila Punan Tekalet mlarikan diri. Perkembangan seterusnya berlaku apabila Kayan telah meninggalkan Apau Kayan di Kalimantan pada tahun 1800. Hal ini menyebabkan kawasan tersebut tidak berpenghuni. Apabila kawasan tersebut telah berubah semula kepada hutan dara, kaum Kenyah telah masuk ke kawasan Apau Kayan bagi mengisi kekosongan yang ditinggalkan oleh orang Kayan. Kaum Kenyah iaitu Badeng dan Bakong menyasarkan Punan Nuo dan Punan Tekalet sebagai buruan untuk mendapatkan

kepala. Keadaan yang kurang selamat ini menyebabkan Punan telah berpindah ke kawasan yang tidak berpenghuni. Kumpulan Punan ini telah berpecah kepada tiga kumpulan. Kumpulan pertama telah berpindah ke Kihan manakala kumpulan kedua telah berpindah ke kawasan Kajang dan bahagian tengah Linau, kawasan Balui di Sarawak. Kumpulan ketiga yang merupakan Punan Vuhang yang tidak ada krisis Kayan dan Kenyah berpindah semula ke Balui. Semasa Ekspedisi Kayan pada tahun 1863, pasukan Brooke telah bertindak menyerang Kayan yang mendiami kawasan Balui. Kayan yang berasal daripada Sungai Mahakam kawasan Kalimantan pada masa yang sama berdepan dengan orang Iban yang memburu mereka atas adat *ngayau*. Hal ini menyebabkan orang Kayan telah bertindak kembali ke Mahakam. Justeru itu, orang Iban mengisi kekosongan kawasan yang ditinggalkan oleh kaum Kayan ini. Melihat kepada keadaan ini, orang Iban telah melancarkan ekspedisi ngayau dari Balleh kepada kawasan Balui. Kaum

Kayan dan beberapa kaum yang lain telah berkumpul di kawasan tengah Balui mempertahankan diri mereka daripada serangan orang Iban. Krisis terus memuncak apabila orang Iban telah membunuh 14 orang Punan Vuhang yang kembali ke kawasan Balui. Hal ini kerana, orang Iban melihat kehadiran Punan Vuhang di kawasan Balui merupakan ancaman kepada mereka terutamanya daripada sudut penguasaan hasil hutan. Hasil hutan merupakan komoditi perdagangan yang menguntungkan sejak sekian lama. Pembunuhan oleh orang Iban menyebabkan Punan yang mendiami kawasan Sungai Linau menuntut untuk membala dendam atas kematian orang-orang mereka. Pada mulanya, kaum Punan ini cuba mendapatkan bantuan daripada kaum Kayan. Namun begitu, kaum Kayan ini telah melaporkan pembunuhan ini kepada kerajaan Brooke. Kaum Punan Vuhan seterusnya menyertai pasukan Brooke yang terdiri daripada 200



05-4

orang tentera untuk menentang kaum Iban. Ekspedisi ini telah berpihak kepada pasukan

Brooke apabila pasukan Brooke berjaya mengalahkan kaum Iban. Namun begitu, kaum Punan Vuhang merasakan bahawa kemenangan ini bukannya kemenangan kaum Punan Vuhang. Hal ini menyebabkan mereka telah melancarkan ekspedisi untuk menyerang Iban di kawasan Sungai Balleh dan membunuh empat orang Iban. Keadaan ini semakin meruncing apabila orang Iban telah mengenalpasti pembunuh tersebut lalu merancang untuk membala dendam atas kematian orang-orang mereka. Kaum Iban seterusnya telah membala dendam dengan membunuh kaum Penan Bunut. Pembunuhan ini menyebabkan Punan Vuhang kemudiaannya mendapatkan perlindungan daripada Kenyah di Kalimantan. Kaum Kenyah ini pada masa yang sama merupakan musuh kepada orang Iban dan sering terjadi perperangan antara kaum Iban dan kaum Kenyah. Upacara perdamaian yang diadakan di Kapit merupakan peristiwa yang besar mengubah



sejarah perhubungan kaum di Sarawak apabila Iban, Kayan dan Kenyah telah berdamai melalui upacara berbachak babi ini. Peristiwa ini pada masa yang sama telah membawa perdamaian kaum di Sarawak selain menghentikan amalan ngayau dalam kalangan orang Iban. Henry telah merujuk banyak sumber sekunder untuk kajian ini. Antaranya, Henry telah merujuk sumber daripada *American Anthropologist*, *Bijdragen tot de Land-, Taal- en Volkenkunde van Nederlandsch-Indië*, *Brunei Museum Journal*, *Borneo Research Bulletin*, *Current Anthropology*, *Center for International Forestry Research*, *Comparative Studies in Society and History*, *Human Ecology*, *Journal of the Royal Asiatic Society*, *Malaysian Branch*, *Journal of the Royal Anthropological Institute*, *Journal of Southeast Asian Studies*, *Malayan Nature Journal*, *Sarawak Gazette*, *Sarawak Museum Journal*, *Southwestern Journal of Anthropology*, dan *World Wide Fund for Nature*. Henry hanya merujuk sebahagian kecil sumber sekunder seperti akhbar *Sarawak Gazette* untuk penulisan ini.

Tema keempat yang menjadi fokus penulis adalah peranan upacara perdamaian dalam mewujudkan perdamaian antara kaum yang berselisih. Valerie Mashman telah mengupas upacara-upacara perdamaian yang pernah diadakan sebelum upacara perdamaian Kapit 1924. Valarie membahasakan perdamaian Marudi pada tahun 1889 yang menjadi pemangkin kepada upacara perdamaian Kapit 1924.<sup>24</sup> Pada masa yang sama, adat istiadat Iban dan politik orang Iban yang menyumbang kepada perdamaian hanya diuraikan secara ringkas. Tama Bulan merupakan tokoh yang memainkan

<sup>24</sup> Valerie Mashman, "Peace-Making, Adat and Tama Bulan Wan," *Journal of Borneo-Kalimantan* 6, no. 1. (2020): 75-95, diakses pada April 1, 2021, <https://publisher.unimas.my/ojs/index.php/BJK/article/view/2414>.



peranan dalam menjayakan upacara perdamaian yang terjadi di Marudi. Tama Bulan bertindak memberikan nasihat kepada Charles Hose dari sudut adat istiadat. Hal ini kerana, kearifan Tama Bulan diakui oleh masyarakat setempat dalam adat istiadat selain pada masa yang sama penglibatan Tama Bulan dalam upacara perdamaian ini dapat mengelakkan konflik timbul seterusnya menghalang upacara perdamaian ini. Valerie berpendapat bahawa adat memainkan peranan yang amat penting dalam menjayakan apa-apa juga upacara. Oleh itu, Valerie menyatakan bahawa adat istiadat merupakan elemen yang tidak dapat diketepikan dalam menjadikan upacara damai di Marudi pada tahun 1899 berjalan dengan baik. Perjalanan upacara perdamaian ini bermula dengan sekumpulan ketua-ketua kaum berkumpul dan bersetuju untuk berunding dan bersetuju untuk berdamai. Pihak yang memulakan perperangan atau pihak yang memperolehi



05-4506832 banyak kepala akan menyediakan khinzir sebagai haiwan untuk dikorbankan.

Ketua-ketua kaum juga harus memeriksa fasa-fasa bulan, dan melihat petanda burung dan haiwan. Oleh itu, rundingan antara ketua-ketua kaum perlu bagi memastikan upacara yang dilakukan tersebut mengikut kepada perspektif tempatan selain upacara tersebut berjalan mengikut adat istiadat dan setiap tindakan tersebut hendaklah rasional dengan keadaan. Pada masa yang sama, penggunaan penchallong atau burung kenyalang yang diukir oleh orang Iban dan perisai Badeng antara merupakan bahan-bahan yang digunakan sebagai simbolik di dalam upacara. Hal ini menjelaskan peranan adat istiadat masyarakat Kenyah merupakan hal yang amat penting dalam menjayakan upacara perdamaian ini. Valerie juga menyatakan bahawa ketokohan juga tidak harus dipandang enteng dalam menjayakan upacara perdamaian Kapit ini. Ketokohan ketua dilihat memainkan peranan yang amat penting dalam menjayakan upacara perdamaian ini. Hal

ini kerana seorang ketua dilihat sebagai orang yang bertanggungjawab memelihara nilai di dalam masyarakat. Ciri-ciri yang sepatutnya ada dalam seorang pemimpin Kenyah ialah bertanggungjawab (*'un lesau'*); bersopan santun dan percakapan, mampu untuk berfikir secara rasional (*tiga tira'ngan kenep*); mampu untuk menyatakan dan menasihati anak buah (*mencam ebeka'ngan mencam pekatok dulu ngeleppo*'); mempunyai kesungguhan dan rasa tanggungjawab dalam kepimpinan (*bawa'*) dan mampu memerihara diri daripada fitnah (*abe'uba'pejaat dulu*). Tama Bulan merupakan individu yang bertanggungjawab untuk upacara perdamaian di Marudi ini. Kejayaan upacara perdamaian ini seterusnya membawa kepada kejayaan lebih banyak lagi upacara perdamaian yang lain seperti upacara perdamaian Kelabit pada tahun 1908, antara kaum Kelabit dengan kaum yang mendiami sempadan dan upacara perdamaian di Kapit pada



05-tahun 1924 yang membawa kepada perdamaian antara masyarakat Iban, Kayan, Kenyah, si

Kajang dan suku kaum lain yang tinggal di Apo Kayan di Borneo Belanda. Valerie sebahagian besar bergantung kepada surat khabar Sarawak Gazette sebagai rujukan untuk penulisan ini. Begitu juga, Valerie telah merujuk buku-buku dan jurnal. Semua rujukan yang digunakan oleh Valerie ini sebahagian besarnya dihasilkan oleh penulis Barat. Perbezaan latar belakang antara orang Barat dan orang tempatan ini justeru menyebabkan interpretasi Barat terhadap upacara perdamaian ini kurang tepat malah sebahagian besar daripada interpretasi ini menyimpang daripada erti sebenar upacara perdamaian ini.

Di bawah di bawah tema yang sama, Dave Lumenta turut membahasakan peranan upacara perdamaian dalam mewujudkan perdamaian antara kaum yang berselisih.

migrasi orang Kenyah ke dalam Sarawak telah telah menimbulkan konflik antara orang Kenyah dan orang Iban. Situasi ini semakin jelas apabila apabila Leppo' Tau dan Leppo' Tepu Kenyah telah membuat masalah dan membunuh di kawasan Tubau yang mana merupakan hub perdagangan yang penting bagi pedagangan Brunei berdekatan Belaga.<sup>25</sup> Peristiwa ini telah mengancam ekonomi Brooke dan Belanda. Hal ini telah menyebabkan Brooke mengambil keputusan untuk memulakan rundingan damai ke Long Nawang. Perdamaian ini melibatkan controleur Belanda di Apo Kayan, penduduk di Apo Kayan dan Iban Balleh. Penglibatan Brooke di Apo Kayan ini bertujuan untuk melihat sendiri upacara damai kedua-dua pihak yang bertelagah pada masa yang sama memastikan upacara damai berjalan dengan lancar.



05-4506832



Upacara damai yang paling besar telah berlangsung di Kapit pada 26 November

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

1924 dihadiri oleh Rajah Charles Vyner Brooke sebagai eakil kerajaan Brooke dan pegawai Belanda. Seramai 4,200 penduduk tempatan telah menghadiri upacara ini termasuk delegasi Apo Kayan yang terdiri daripada 960 orang. Charles Vyner Brooke sendiri telah hadir ke Kapit untuk melihat sendiri upacara perdamaian ini. Dalam upacara ini. Penghulu Koh yang merupakan wakil orang Iban dan Taman Kila telah menerima sebuah tajau yang berharga dairpada Rajah Charles Vyner Brooke. Upacara perdamaian ini telah membawa kepada keamanan di Borneo selain dapat menjamin kepentingan ekonomi Brooke dan Belanda.

<sup>25</sup> Dave Lumenta, "Moving in a hierarchized landscape Changing border regimes in Central Kalimantan," *Jurnal Ilmu Pengetahuan Budaya* 13, no. 1. (2011): 122-145, <http://wacana.ui.ac.id/index.php/wjhi/article/view/12>.



Tema kelima yang menjadi tumpuan pengkaji dalam bidang ini ialah inisiatif perdamaian. Eleftherios A. Michael berpendapat bahawa terdapat 41 inisiatif perdamaian yang sistematik dan holistik telah diambil bagi menyelesaikan isu ini dengan bantuan dan penglibatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Amerika Syarikat, Kanada, British, Greece dan Turki.<sup>26</sup> Michael berpendapat bahawa strategi perdamaian, cabaran perdamaian, hubungan antara proses dinamik dan hasil implementasi strategi tersebut, hubungan antara konsensi, keterbatasan dan manfaat semasa rundingan perdamaian dan halangan dalam mencari jalan penyelesaian untuk pihak bersetuju dengan perdamaian ini. Kajian ini merupakan sains politik. Michael telah merujuk banyak sumber sekunder di dalam kajian ini. Namun begitu, Michael tidak menggunakan sumber primer untuk penulisan ini.



Daripada tinjauan kajian lepas, jelas menunjukkan bahawa hingga setakat ini hampir kesemua penulisan yang berkaitan dengan politik orang Iban tidak memberikan tumpuan yang sewajarnya terhadap perkembangan politik orang Iban di Sarawak selepas upacara perdamaian di Kapit. Pada masa yang sama, masyarakat Iban merupakan masyarakat majoriti yang mendiami bumi Sarawak. Peristiwa perdamaian di Kapit pada 16 November 1924 merupakan peristiwa bersejarah bagi orang Iban terutamanya Penghulu Koh telah diberikan Brooke gelaran temenggung bagi seluruh masyarakat Iban di Sarawak. Perkara ini amat menarik untuk dilihat terutamanya orang Iban sepanjang

<sup>26</sup> Eleftherios A. Michael, “Peacemaking In Cyprus: 1955 – 2012,” (tesis PhD, George Mason University, 2012), 1-32, diakses pada Mac 19, 2021, [http://mars.gmu.edu/bitstream/handle/1920/8009/Michael\\_gmu\\_0883E\\_10126.pdf?sequence=1&isAllowed=y](http://mars.gmu.edu/bitstream/handle/1920/8009/Michael_gmu_0883E_10126.pdf?sequence=1&isAllowed=y).



zaman telah menentang pemerintahan Brooke telah tunduk kepada pemerintahan Brooke selepas daripada peristiwa perlantikan ini. Malah, pelantikan Penghulu Koh sebagai temenggung bagi Dayak di Sarawak dapat dilihat sebagai pengiktirafan kerajaan Brooke terhadap kemampuan politik orang Iban. Pada masa yang sama, Brooke berjaya menyatukan orang Iban di Sarawak dengan peristiwa perdamaian ini. Sebaliknya, kebanyakkan penulisan hanya memberikan penekanan terhadap sejarah awal hubungan orang Iban dengan etnik lain, penceritaan serba ringkas mengenai peristiwa perdamaian di Kapit, faktor ekonomi yang membawa kepada peristiwa perdamaian dan kesan peristiwa perdamaian ini kepada pemerintahan Brooke. Oleh iu, kajian ini bertujuan untuk melihat politik orang Iban sebelum peristiwa damai Kapit pada tahun 1924.



05-4506832



Kajian ini pada masa yang sama bertujuan untuk memberikan interpretasi yang

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

betul daripada sudut orang Sarawak. Hal ini dapat dilihat penulisan yang sedia ada banyak ditulis oleh orang bukan Iban. Keadaan ini menyebabkan kebanyakkan penulisan ini melihat aspek kebudayaan orang Iban daripada sudut pandang budaya mereka sendiri. Lantaran itu, gambaran yang salah sering kali berlaku terutamanya penyelidik ini tidak terdedah secara langsung kepada budaya orang Iban. Kekurangan ini secara tidak langsung menyebabkan kebanyakkan penyelidik terlepas pandang dalam aspek politik orang Iban khususnya melibatkan perlantikan Penghulu Koh sebagai temenggung (Dayak Paramount Chief) dalam kerajaan Brooke walaupun perlantikan Penghulu Koh ini merupakan peristiwa yang besar kepada masyarakat Iban. Perlantikan ini merupakan peristiwa yang amat besar bagi masyarakat Iban terutamanya perlantikan ini diberikan sendiri oleh Rajah Charles Vyner Brooke kepada Penghulu Koh. Pada masa yang sama,

peristiwa perlantikan Temenggung Koh ini membuktikan bahawa orang Iban kini mendapat kepercayaan daripada Brooke apabila Temenggung Koh telah dipilih ke dalam Council Negri bagi membantu Brooke dalam soal pemerintahan dan pentadbiran hal ehwal wilayah Sarawak. Tanggungjawab tugas temenggung ini semakin penting apabila temenggung yang mewakili masyarakat Iban di Sarawak menentukan masa depan wilayah ini. Oleh itu, peristiwa perdamaian Kapit 1924 ini amat penting kepada masyarakat Iban terutamanya orang Iban dilihat bangkit menentang Brooke pada suatu ketika dahulu. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk melihat peranan temenggung (Dayak Paramount Chief) dalam pentadbiran Brooke dari tahun 1924 sehingga tahun 1963.



05-4506832

Pengaruh upacara perdamaian di Kapit pada 1924 terhadap kesinambungan

politik orang Iban juga kurang mendapat pemerhatian daripada penyelidik sebelum ini.

Oleh itu, kajian ini juga cuba memaparkan kepimpinan politik orang Iban selepas upacara perdamaian di Kapit yang justeru membuka tirai baru kepada perkembangan politik orang Iban yang menentang Brooke selama ini. Orientasi perjuangan politik orang Iban mulai berubah apabila orang Iban tidak lagi bangun menentang kerajaan Brooke dengan mengangkat senjata setelah Penghulu Koh dilantik sebagai temenggung mewakili orang Iban seluruh Sarawak. Hal ini membuktikan bahawa peristiwa damai yang membawa kepada perlantikan Penghulu Koh sebagai temenggung (Dayak Paramount Chief) ini secara tidak langsung membentuk kepada perjalanan politik orang Iban itu sendiri. Namun begitu, kebanyakkan para penyelidik kurang membincangkan peristiwa ini walaupun peristiwa ini merupakan titik tolak penglibatan orang Iban dalam sistem politik moden di Sarawak. Sebaliknya sebilangan penyelidik menetapkan

membincangkan perjalanan politik orang Iban muncul tanpa titik tolak. Malah, ada pengkaji yang menetapkan peristiwa penyerahan Sarawak kepada British sebagai tanah jajahan pada 1946 sebagai titik tolak kepada penglibatan orang Iban dalam berpolitik. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk melihat perkembangan politik orang Iban di Sarawak dari tahun 1924 sehingga tahun 1963.

### 1.10 Metodologi Kajian

Projek Tahun Akhir ini merupakan kajian sejarah politik. Kajian ini akan memberikan fokus kepada perkembangan politik orang Iban khususnya melibatkan jawatan temenggung (Dayak Paramount Chief) di Sarawak selepas peristiwa damai di Kapit pada 16 November 1924 sehingga tahun 1963. Skop kajian berkenaan perkembangan politik orang Iban dalam tempoh 1924 sehingga tahun 1963 dipilih kerana penulisan terdahulu kurang memberikan tumpuan dalam aspek ini.

Kajian ini merupakan kajian sejarah. Maka, kajian ini menggunakan kajian kualitatif. Kajian ini bersifat teoritijk dan praktikal serta deskriptif analisis dengan menggambarkan secara tepat individu, keadaan atau gejala-gelaja tertentu dan hubungan sebab dan akibat. Kajian ini juga dapat digolongan kepada kaedah perpustakaan iaitu mengumpul dan menganalisis bahan-bahan kajian yang relevan. Kajian ini disempurnakan dengan merujuk dan menganalisis sumber-sumber primer dan sekunder yang berkaitan dengan perkembangan politik orang Iban di Sarawak antara tahun 1924



sehingga tahun 1963 khasnya. Sumber primer yang dirujuk ialah bahan arkib akhbar atas talian, terbitan kerajaan dan dokumen dalam talian. Sumber kedua termasuklah buku, artikel, kertas seminar, akhbar dan majalah juga digunakan untuk melengkapkan lagi kajian ini. Proses pengumpulan data ini dijalankan secara atas talian. Pengkaji telah merujuk Arkib Negara Malaysia, Arkib Negara Malaysia Cawangan Sarawak dan Repositori Rekod Negeri untuk mendapatkan bahan yang berkait dengan kajian ini. Namun begitu, bahan primer daripada Arkib Muzium Sarawak tidak dapat diakses oleh pengkaji ekoran Muzium Sarawak ditutup untuk pemindahan bahan ke muzium yang baharu dibina. Begitu juga, pengkaji tidak dapat mengakses sebahagian dokumen penting melibatkan kajian ini di Arkib Negara Malaysia dan Arkib Negara Malaysia Cawangan Sarawak disebabkan dokumen tersebut dalam proses pemeliharaan bahan.



Pengkaji telah merujuk surat khabar yang dapat diakses secara atas talian daripada Perpustakaan Negeri Sarawak. Begitu juga, pengkaji telah menggunakan *NewspaperSG* National Archive of Australia untuk mendapatkan bahan kajian atas talian. Bagi mendapatkan bahan sekunder, pengkaji telah merujuk buku yang terdapat di atas talian selain koleksi pengkaji sendiri. Pada masa yang sama, pengkaji telah pergi untuk mendapatkan buku di Perpustakaan Tuanku Bainun, UPSI dan mendapatkan buku daripada universiti lain melalui khidmat Interloan Library yang disediakan oleh pihak perpustakaan UPSI.

Proses pengesahan validity dan authenticity sumber yang diperoleh oleh pengkaji



telah dilakukan pengkaji melalui kritikan dalaman dan kritikan luaran.<sup>27</sup> Dokumen yang ditemui penulis telah disahkan validity dan authenticity oleh pihak yang berautoriti. Dalam hal ini, pihak arkib telah mengesahkan kesahihan dokumen tersebut. Kritikan dalaman dan kritikan luaran amat penting dalam menentukan kesahihan peristiwa sejarah yang sebenar-benarnya. Oleh itu, pengkaji telah bertindak memastikan siapakah yang mengeluarkan sumber tersebut.<sup>28</sup> Pengkaji juga menguji dahulu perkaitan dokumen dengan fakta-fakta primer bagi memastikan tidak berlaku percanggahan.

Pengkaji telah mentafsir dan menganalisis data berdasarkan kepada kritikan dalaman dan luaran. Hasil daripada analisis data-data yang diperoleh oleh pengkaji kemudiannya melahirkan hipotesis yang baru. Hipotesis yang dibuat oleh pengkaji seterusnya menjadi tesis dengan memberikan fakta baru yang mungkin akan menyokong kepada tesis yang sedia ada atau menyanggah kepada fakta yang sedia ada.

Proses seterusnya dalam metodologi pengkajian sejarah ini ialah penulisan. Pengkaji akan menulis kajian ini secara kronologikal untuk memastikan hipotesis pengkaji dapat dicapai. Hal ini kerana, penggunaan kronologi amat penting bagi memahami kepada peristiwa-peristiwa yang berlaku supaya pemahaman terhadap peristiwa itu akan menjadi jelas. Hal ini justeru akan dapat membuktikan tesis pengkaji.

Oleh itu, metodologi yang digunakan untuk melengkapkan kajian ini adalah kaedah

<sup>27</sup> Arba'iyah Mohd Noor, *Ilmu Sejarah dan Pensejarahan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006), 57-60.

<sup>28</sup> *Ibid.*



perpustakaan, iaitu mengumpul dan menganalisis bahan-bahan kajian yang relevan. Kajian ini disempurnakan dengan merujuk dan menganalisis sumber-sumber primer dan sekunder yang berkaitan dengan perkembangan politik orang Iban di Sarawak antara tahun 1924 sehingga tahun 1963 khasnya. Sumber primer yang dirujuk ialah dokumen arkib, dokumen kerajaan negeri dan dokumen dalam talian. Sumber kedua termasuklah buku, artikel, kertas seminar, akhbar dan majalah juga digunakan untuk melengkapkan lagi kajian ini. Pengumpulan bahan termasuklah Arkib Negara Malaysia, Arkib Negara Malaysia Cawangan Negeri Sarawak, Repositori Rekod Negeri dan Perpustakaan Tuanku Bainun, UPSI.

Sumber yang digunakan ialah:



### Sumber Primer

Untuk kajian ini, pengkaji amat bergantung kepada sumber primer untuk membina semula peristiwa sejarah berkenaan dengan topik kajian pengkaji. Hal ini kerana, penggunaan sumber primer ini dapat menjelaskan peristiwa-peristiwa tersebut dengan baik. Pengkaji amat beruntung kerana merujuk dokumen-dokumen yang terpilih untuk kajian ini. Pengkaji telah menggunakan Newspaper SG dan National Archive of Australia atas talian bagi mendapatkan dokumen-dokumen kajian ini.

1. Laporan National Archives of Australia Website: A5954, 2269/1. Borneo. Cession of Sarawak to United Kingdom mengandungi proses yang dilalui untuk meluluskan rang



undang-undang penyerahan Sarawak kepada kerajaan British.<sup>29</sup> Menarik untuk dilihat dalam laporan ini, seramai 4 orang Dayak yang mewakili 50% penduduk Dayak di Sarawak akan memgundi rang undang-undang ini.

2. Laporan National Archives of Australia Website: A1838, 413/2/4/2 PART 1. BTSEA [British Territory South East Asia] - Colony of Sarawak – political mengandungi perjalanan politik orang Iban dengan memaparkan penentangan orang Iban terhadap penyerahan Sarawak kepada British.<sup>30</sup> Dalam laporan ini, terdapat sebilangan orang Iban yang berpendidikan tidak menentang penyerahan Sarawak kepada British atas dasar pemerintahan British akan memajukan pendidikan dan perkhdimatan sosial rakyat. Namun begitu, orang Iban juga dilihat enggan menerima usul penyerahan Sarawak kepada British terutamanya sebilangan besar orang Iban dalam *Council Ngri* tidak menyokong usul ini.

3. Surat khabar The Singapore Free Press pada 4 Februari 1950. Surat khabar ini mengandungi artikel *S'wak parties protest*.<sup>31</sup> Artikel ini merekodkan pendirian Anthony

<sup>29</sup> National Archives of Australia Website: A5954, 2269/1. Borneo. Cession of Sarawak to United Kingdom,  
<https://recordsearch.naa.gov.au/SearchNRetrieve/Interface/ViewImage.aspx?B=348588> (Dimuat turun pada 21 Mac 2021).

<sup>30</sup> National Archives of Australia Website: A1838, 413/2/4/2 PART 1. BTSEA [British Territory South East Asia] - Colony of Sarawak – political,  
<https://recordsearch.naa.gov.au/SearchNRetrieve/Interface/ViewImage.aspx?B=550649> (Dimuat turun pada 21 Mac 2021).

<sup>31</sup> “S'wak parties protest,” *The Singapore Free Press*, Februari. 4, 1950,  
<https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/Digitised/Article/freepress19500204-1.2.16?ST=1&AT=search&k=Anti-cession%20movement%20of%20Sarawak&QT=anti-cession,movement,of,sarawak&oref=article>.

Brooke yang menentang pembunuhan ke atas Mr Duncan Steward selain mempertikaikan Rajah Charles Vyner Brooke yang menyerahkan Sarawak kepada British tanpa berunding terlebih dahulu dengan orang Sarawak. Pada masa yang sama, artikel ini memuatkan nama seorang Dayak yang terlibat dalam gerakan anti penyerahan ini iaitu Robert Jitam, presiden Sarawak Dayak Association.

4. Surat khabar The Straits Times pada 12 January 1949. Surat khabar ini memuatkan artikel yang bertajuk *Sarawak National Movement*.<sup>32</sup> Artikel ini memuatkan sejumlah 40,000 Melayu dan Dayak telah menyokong *Sarawak National Association*. *Sarawak National Association* ini telah menentang penyerahan Sarawak kepada British.



5. Surat khabar Malaya Tribune bertarikh 1 September 1950 memuatkan sebuah artikel yang bertajuk Anti-Cession Leaders Promise Brooke Support.<sup>33</sup> Artikel ini memuatkan gerakan anti penyerahan di Sarawak melibatkan penduduk Sarawak. Johari Anang yang merupakan Setiausaha Agung Malay National Union menyatakan bahawa seramai 80% penduduk Melayu di Kuching menentang penyerahan Sarawak kepada British. Pada masa yang sama, artikel ini memuatkan penentangan daripada masyarakat Dayak yang mana seramai 3000 orang daripada Sarawak Dyak Association, Sarawak Youth National Movement dan Sarawak National Party terlibat mengadakan bantahan di Kuching.

<sup>32</sup> “Sarawak National Movement,” *The Straits Times*, Januari. 12, 1949, <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/Digitised/Article/straitstimes19490112-1.2.68?ST=1&AT=search&k=Anti-cession%20movement%20of%20Sarawak&QT=anti-cession,movement,of,sarawak&oref=article>.

<sup>33</sup> “ANTI-CESSION LEADERS PROMISE BROOKE SUPPORT,” *Malaya Tribune*, September. 1 1950, <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/Digitised/Article/maltribune19500901-1.2.73.68?ST=1&AT=search&k=Anti-cession%20movement%20of%20Sarawak&QT=anti-cession,movement,of,sarawak&oref=article>.

6. Surat khabar The Straits Times bertarikh 26 Julai 1947 memuatkan sebuah artikel bertajuk Sarawak Leaders Issue Statements. Artikel ini melaporkan kenyataan yang dibuat oleh Alfred Jamuh, presiden Dayak Association.<sup>34</sup> Alfred Jamuh menyatakan bahawa orang Dayak akan berjuang mengikut kepada lunas undang-undang bagi mejamin kemerdekaan Sarawak di bawah naungan British. Artikel ini juga dapat memberikan gambaran politik Iban semasa Sarawak diserahkan kepada British.

7. Surat khabar India Daily Mail bertarikh 4 July 1947 ada memuatkan sebuah artikel bertajuk "A Day Of Mourning". Artikel ini melaporkan bahawa gerakan anti-penyerahan telah menghantar telegram kepada Perdana Menteri menentang penyerahan Sarawak kepada British. Sejumlah 15 buah persatuan yang menentang penyerahan Sarawak kepada British termasuklah parti orang Iban sendiri iaitu Sarawak Dayak Association dan Sarawak Youth Movement.

8. Surat khabar *The Strait Times* pada 11 Disember 1924 ada memuatkan sebuah artikel yang bertajuk Peace-Making at Kapit.<sup>35</sup> Artikel ini memuatkan laporan yang terperinci berkenaan perdamaian antara Iban, Kenyah, Kayan, Kajang dari Apo Kayan dan Sungai Baloi bermula daripada krisis awal sehingga ke upacara perdamaian ini berlangsung.

<sup>34</sup> "Sarawak Leaders Issue Statements," *The Straits Times*, Julai. 26, 1947, <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/Digitised/Article/straitstimes19470726-1.2.34?ST=1&AT=search&k=Anti-cession%20movement%20of%20Sarawak&QT=anti-cession,movement,of,sarawak&oref=article>.

<sup>35</sup> "Peace-Making at Kapit," *The Straits Times*, Disember. 11, 1924, <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/Digitised/Article/straitstimes19241211-1.2.67?ST=1&AT=filter&K=kapit&KA=kapit&DF=&DT=&Display=0&AO=false&NPT=&L=&CTA=&NID=&CT=&WC=&YR=1924&QT=kapit&oref=article>.

Pada masa yang sama, artikel ini memuatkan Penghulu Koh telah diberikan gelaran Temenggung Penghulu atas khidmat cemerlang dalam pentadbiran Brooke.

9. Surat khabar *The Sarawak Gazette* yang bertarikh 2 Januari 1947 memperlihatkan perbahasan rang undang-undang yang berlaku semasa Sarawak menjadi koloni British. Salah satu perbahasan rang undang-undang yang memperlihatkan penglibatan orang Iban dalam *Council Ngri* ialah *Rhinoceros Protection Bill*. Temenggung Koh dan Benedict Jarrow dikatakan telah menentang rang undang-undang ini kerana berpendapat bahawa orang Dayak tidak akan berpuas hati dengan rang undang-undang ini.<sup>36</sup>

10. Surat khabar Berita Harian yang bertarikh 24 Julai 1961 memuatkan sebuah artikel yang bertajuk *Ketua Iban: Sarawak tidak mahu bersatu dgn Persekutuan*. Artikel ini melaporkan Temenggong Jugah yang merupakan ketua agong suku Iban tidak bersetuju dengan cadangan pembentukan Malaysia oleh Tunku Abdul Rahman.<sup>37</sup> Temenggong Jugah berpendapat bahawa sebilangan besar penduduk di Sarawak berdepan dengan masalah buta huruf. Pada masa yang sama, Temenggong Jugah berpedapat bahawa penyatuan dalam negeri Sarawak itu terlebih dahulu diberikan perhatian sebelum memikirkan pembentukan Malaysia.

<sup>36</sup> “Meeting of Council Ngri,” *The Sarawak Gazette*, Januari.2, 1947,  
[https://www.pustaka-sarawak.com/gazette/gazette\\_uploaded/1371428321.pdf](https://www.pustaka-sarawak.com/gazette/gazette_uploaded/1371428321.pdf).

<sup>37</sup> “Ketua Iban: Sarawak tidak mahu bersatu dgn Persekutuan,” *Berita Harian*, Julai. 24, 1961,  
<https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/Digitised/Article/beritaharian19610724-1.2.9?ST=1&AT=advanced&K=jugah&KA=jugah&DF=01%2F01%2F1924&DT=16%2F09%2F1963&NPT=&L=&CTA=&QT=jugah&oref=article>.

11. Surat khabar New Strait Times pada 29 Jun 1963 memaparkan sebuah artikel yang bertajuk *Sarawak Team Meet The -Tengku*. Dalam artikel ini, Temenggong Jugah yang mengetuai delegasi dari Sarawak telah berjumpa dengan Tunku Abdul Rahman untuk memaklumkan keputusan pilihan raya di Sarawak pada ketika itu.<sup>38</sup>

#### Sumber sekunder

Kajian ini turut menggunakan sumber sekunder bagi mengisi kelompong semasa penggunaan sumber primer. Oleh itu, pengkaji telah menggunakan buku rujukan yang berkaitan dengan kajian pengkaji. Penulis telah merujuk kepada artikel jurnal yang ditulis oleh The Political Economy of Ending Headhunting in Central Borneo:



05- Inter-colonial and Kenyah perspectives on the 1924 Kapit Peacemaking Agreement and its aftermath.<sup>39</sup> Melalui jurnal ini, penulis memperlihatkan permusuhan yang berlaku antara orang Iban Rejang, Kayan, Kenyah dan Baloi sehingga ke perdamaian Kapit 1924. Menurut penulis, perdamaian ini dilihat sebagai sebuah usaha untuk melindungi ekonomi pemerintahan Brooke di Sarawak. Selain itu, penulisan Dave Lumenta, Moving In A Hierarchized Landscape: Changing Border Regimes In Central Kalimantan ada menyentuh sedikit sebanyak peristiwa perdamaian Kapit pada tahun 1924 dengan memberikan fokus kepada sejarah masyarakat Kenyah itu sendiri yang berdepan dengan

<sup>38</sup> “SARAWAK TEAM MEET THE -TENGKU,” *The Straits Times*, Jun. 29, 1963, <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/Digitised/Article/straitstimes19630629-1.2.118?ST=1&AT=advanced&K=jugah&KA=jugah&DF=16%2F11%2F1924&DT=16%2F09%2F1963&NPT=&L=&CTA=&QT=jugah&oref=article>.

<sup>39</sup> Dave Lumenta, “The Political Economy of Ending Headhunting in Central Borneo: Inter-colonial and Kenyah perspectives on the 1924 Kapit Peacemaking Agreement and its aftermath,” 1070 – 1098.

masalah akibat pembentukan sempadan antara Sarawak dengan Borneo Belanda.<sup>40</sup>

Tesis PhD Jayum A. Jawan, *Political Change and Economic Development Among the Iban of Sarawak, East Malaysia* telah digunakan oleh pengkaji dalam melengkapkan kajian ini.<sup>41</sup> Begitu juga, Jayum A. Jawan seterusnya menerbitkan tesis PhDnya sebagai sebuah buku, *Iban Politics and Economic Development Their Pattern and Change*.<sup>42</sup> Buku Jayum A. Jawan, *Malaysian Politics and Government* memberikan sedikit maklumat mengenai perkembangan politik orang Iban.<sup>43</sup> Kajian dari aspek sains sosial penting bagi memastikan pengkaji dapat mengisi kelompong daripada sudut sains sosial.

oleh pengkaji bagi mendapatkan gambaran serba ringkas perkembangan politik orang Iban bermula dengan perkembangan politik orang Iban sehingga pembentukan Malaysia.<sup>44</sup> Artikel dalam Majalah Pegari ditulis oleh Nalong Buda, *Jerita Tuai Iban Sarawak Pegai Rajah Brooke* merupakan rujukan pengkaji dalam penulisan ini.<sup>45</sup> Penulisan ini dilihat penting terutamanya penulis telah mengumpul sejarah orang Iban melalui lisan. Nalong Buda dan Johnny Chuat melalui buku Gempung Jerita Tuai Bansia Iban ini penting bagi penulis memahami sistem temenggung masyarakat Iban yang

<sup>40</sup> Dave Lumenta, “Moving in a hierarchized landscape Changing border regimes in Central Kalimantan,” 122-145.

<sup>41</sup> Jayum A. Jawan, “Political Change and Economic Development among the Iban of Sarawak, East Malaysia.”

<sup>42</sup> Jayum A. Jawan, *Iban Politics and Economic Development Their Patterns and Change*, 12.

<sup>43</sup> Jayum A. Jawan, *Malaysia Politic & Government*, 13.

<sup>44</sup> Nalong Buda dan Johnny Chuat, *Iban Pegai Rajah Brooke*, 89-90.

<sup>45</sup> Nalong Buda, “Jerita Tuai Iban Sarawak Maya Pegai Rajah Brooke, 12-14.

dikaitkan dengan spiritual.<sup>46</sup>

Pada masa yang sama, penulis telah merujuk buku Persatuan Kesusteraan Sarawak, *Our Sarawak* merupakan himpunan sejarah Sarawak.<sup>47</sup> Himpunan maklumat ini amat penting bagi pengkaji supaya pengkaji dapat menyelusuri sejarah politik orang Iban dalam sejarah Sarawak itu sendiri. Begitu juga, pengkaji menggunakan buku Henry Chan yang diedit oleh Peter G. Sercombe dan Bernard Sellato, *Beyond The Green Myth Hunter-Gatherers of Borneo in The Twenty-First Century*. Buku ini dilihat amat penting bagi pengkaji terutamanya penulis memberikan tumpuan kepada Punan Vuhang yang terlibat sevara tidak langsung dalam krisis antara orang Iban dengan orang Kayan, Kenyah dan Kajang sehingga perdamaian di Kapit pada tahun 1924.<sup>48</sup> Pengkaji tidak terlepas merujuk penulisan Valerie Mashman, *Peace-Making, Adat And Tama Bulan Wang* memuatkan sedikit hubung kait politik orang Iban dengan adat istiadat yang digunakan semasa upacara perdamaian yang berlangsung di Kapit pada tahun 1924.<sup>49</sup> Hal ini amat penting kerana adat merupakan suatu yang penting bagi masyarakat Iban.

Pengkaji juga merujuk kepada buku Robert Pringle, *Rajah and Rebels The Ibans of Sarawak under Brooke Rule, 1841-1941* yang membahaskan politik orang Iban sebelum upacara perdamaian yang berlangsung di Kapit pada tahun 1924.<sup>50</sup> Begitu juga penulisan Buku R.H.W Reece, *The Name of Brooke The End of White Rajah Rule in*

<sup>46</sup> Nalong Buda dan Johnny Chuat, *Gempung Jerita Tuai*, 238.

<sup>47</sup> Persatuan Kesusteraan Sarawak, *Our Sarawak*, 44-45.

<sup>48</sup> Henry Chan, "History and the Punan Vuhang: Response to Economic and Resource Tenure Change," 192-196.

<sup>49</sup> Valerie Mashman, "Peace-Making, Adat and Tama Bulan Wan," 75.

<sup>50</sup> Robert Pringle, *Rajah and Rebels The Ibans of Sarawak under Brooke Rule*, 252-264.



Sarawak.<sup>51</sup> Kedua-dua buah buku ini amat penting terutamanya buku ini dihasilkan oleh seorang penulis Eropah bagi mendapatkan gambaran yang seimbang dalam penulisan ini.

Tesis Ooi Keat Gin, *An Economic History Of Sarawak During The Period Of Brooke Rule, 1841-1946* ada mengupas politik orang Iban 1924 sehingga 1963 dengan melihat aspek ekonomi yang membawa kepada perdamaian di Kapit pada tahun 1924 merupakan rujukan yang penting kepada pengkaji terutamanya pengkaji dapat melihat perkaitan ekonomi dengan politik orang Iban.<sup>52</sup> Pada masa yang sama, pengkaji turut merujuk kepada tesis PhD Eleftherios A. Michael, *Peacemaking In Cyprus: 1955 – 2012*. Tesis ini memberikan fokus terhadap inisiatif yang digunakan untuk menjayakan perdamaian di Cyprus dari tahun 1955 sehingga 2012.<sup>53</sup> Ho Hui Ling melalui penulisannya,

*Penyerahan Sarawak Kepada Kerajaan British, 1946-1951* ada menyentuk politik orang Iban semasa isu penyerahan Sarawak kepada Kerajaan British.<sup>54</sup> Hal ini penting bagi penulis memahami perkembangan politik orang Iban semasa penyerahan Sarawak kepada British. Ho Hui Ling seterusnya menghasilkan kertas kerja yang bertajuk *Pergerakan Politik Di Sarawak: Isu Penyerahan Sarawak Kepada British*.<sup>55</sup> Penulisan ini dilihat menjadi pelengkap kepada penulisan penulis yang terdahulu. Begitu juga, pengkaji merujuk kepada penulisan Nicholas Tarling, *Brooke Rule In Sarawak And Its Principles* aspek prinsip dalam pemerintahan Brooke di Sarawak. Tarling melihat konteks hubungan Brooke dengan British dan hubungan Brooke dengan penduduk

<sup>51</sup> R.H.W Reece, *The Name of Brooke The End of White Rajah Rule in Sarawak*, 21-22.

<sup>52</sup> Ooi Keat Gin, “An Economic History Of Sarawak During The Period Of Brooke Rule, 72-73.

<sup>53</sup> Eleftherios A. Michael, “Peacemaking In Cyprus: 1955 – 2012,” 1-32.

<sup>54</sup> Ho Hui Ling, “Penyerahan Sarawak Kepada Kerajaan British, 1946-1951,” 43-67.

<sup>55</sup> Ho, H.L, “Pergerakan politik di Sarawak: Isu penyerahan Sarawak kepada British.” 1-27.





Sarawak.<sup>56</sup>

Penulisan Chin Ung-Ho, *Chinese Politics in Sarawak A Study of the Sarawak United People's Party* juga telah dijadikan rujukan pengkaji dalam penulisan ini.<sup>57</sup> Penglibatan orang Iban dalam kepartian dapat dilihat dalam penulisan ini. Pengkaji juga merujuk kepada buku Andaya, *A History of Malaysia* ada menyentuh sejarah Malaysia yang terlibat secara langsung dengan perkembangan politik orang Iban di Sarawak.<sup>58</sup> Andaya ada memuatkan penglibatan orang Iban dalam politik meskipun serba ringkas.

### 1.11 Pembahagian Bab



Pembahagian bab di dalam Projek Tahun akhir ini akan terbahagi kepada lima bahagian. Bab pertama akan membincangkan akan memberikan pendahuluan kepada topik kajian. Dalam bab ini, pengkaji akan membahaskan perdamaian di Kapit yang penglibatan politik orang dalam kerajaan Brooke sehingga termeterai Perdamaian Kapit, 1867-1924. Bab kedua akan membahaskan faktor yang membawa kepada Perdamaian Kapit 1924. Bab ketiga akan membincangkan penglibatan orang Iban dalam kerajaan Brooke. Bab keempat akan menampilkkan kesan Perdamaian Kapit terhadap politik orang Iban di Sarawak dari tahun 1924 sehingga tahun 1963. Bab kelima akan menjadi penutup kepada kajian ini.

<sup>56</sup> Nicholas Tarling, "Brooke Rule In Sarawak And Its Principles," 15-25.

<sup>57</sup> Chin Ung-Ho, *Chinese Politics in Sarawak A Study of the Sarawak United People's Party*, 1-99.

<sup>58</sup> Barbara Watson Andaya dan Leonard Y. Andaya, *A History of Malaysia*, 133-287.





## 1.12 Rumusan / Kesimpulan

Peristiwa perdamaian di Kapit pada 16 November 1924 merupakan salah satu peristiwa yang besar dalam lipatan sejarah tanah air Sarawak terutamanya melibatkan perkembangan politik Iban selepas tahun 1924 sehingga tahun 1963. Peristiwa ini juga pada masa yang sama telah menamatkan permusuhan orang Iban dengan kaum lain di Sarawak khususnya kaum Kenyah, Kayan dan Kajang yang telah bermusuhan sejak sekian lama hasil daripada adat *ngayau* orang Iban. Pada masa yang sama, Brooke telah berdepan dengan penentangan orang Iban apabila Brooke dilihat cuba untuk menghapuskan amalan *ngayau* dalam kalangan orang Iban.



Peristiwa penentangan orang Iban terhadap pemerintahan Brooke di Sarawak memberikan kesan kepada orang Iban terutamanya Brooke tidak memberikan tempat kepada orang Iban untuk menganggotai pentadbiran dan pemerintahan Brooke. Hal ini menyebabkan Brooke hanya melantik sebahagian kecil orang Iban ke dalam kerajaan membantu. Lantaran itu, Brooke telah menggunakan upacara perdamaian di Kapit ini untuk mendapat kepercayaan dan keyakinan daripada orang Iban dalam mengukuhkan kerajaan Brooke di Sarawak.

Peristiwa ini menyaksikan Rajah Charles Vyner Brooke melantik Penghulu Koh sebagai temenggung (Dayak Paramount Chief) selepas upacara damai ini. Pelantikan





Temenggung Koh ini telah menyatukan seluruh orang Iban di Sarawak yang saling bermusuhan selama ini. Pada masa yang sama, Brooke telah melantik Temenggong Koh sebagai seorang ahli dalam *Council Negri*. Kepentingan jawatan temenggung yang mewakili suara orang Iban jelas terpancar apabila temenggung dilihat sebagai suara pemutus dalam membentuk masa depan Sarawak. Peristiwa ini dilihat sebagai pemangkin perkembangan politik orang Iban yang bersifat sederhana. Justeru itu, peristiwa perdamaian ini memberikan kesan kepada perkembangan politik Iban itu sendiri.

